



KERAJAAN MALAYSIA

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia
(Malaysian Public Sector Accounting Standards)

MPSAS 25
Manfaat Pekerja

Mac 2014

MPSAS 25 — Manfaat Pekerja

Pengiktirafan

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) disediakan berdasarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (*International Public Sector Accounting Standard, IPSAS*) 25, *Employee Benefits* daripada *Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements*, Lembaga Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa, diterbitkan oleh Persekutuan Akauntan Antarabangsa (*International Federation of Accountants, IFAC*) pada Jun 2013 dan digunakan dengan kebenaran IFAC.

Handbook of International Public Sector Accounting Pronouncements © 2013 terbitan Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC). Hak cipta terpelihara.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
No. 1, Persiaran Perdana
Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 Putrajaya

Tel : 03-88821000

Faks : 03-88891765

Web : <http://www.anm.gov.my>

MPSAS 25 — MANFAAT PEKERJA

KANDUNGAN

	Perenggan
Objektif	1
Skop	2–9
Takrif	10
Manfaat Pekerja Jangka Pendek.....	11–26
Pengkiktirafan dan Pengukuran.....	13–25
Semua Manfaat Pekerja Jangka Pendek.....	13
Ketidakhadiran Terpampas Jangka Pendek.....	14–19
Bayaran Bonus dan Bayaran Perkongsian Untung.....	20–25
Pendedahan	26
Manfaat Pascapekerjaan – Perbezaan antara	
Pelan Caruman Ditetapkan dan Pelan Manfaat Ditetapkan.....	27–53
Pelan Pelbagai Majikan.....	32–38
Pelan Manfaat Ditetapkan apabila Entiti Penyertaan di bawah Kawalan Am.....	39–42
Pelan Negeri.....	43–46
Program Keselamatan Sosial Komposit.....	47–49
Manfaat Diinsuranskan.....	50–53
Manfaat Pascapekerjaan – Pelan Caruman Ditetapkan.....	54–58
Pengkiktirafan dan Pengukuran.....	55–56
Pendedahan.....	57–58
Manfaat Pascapekerjaan – Pelan Manfaat Ditetapkan.....	59–146
Pengkiktirafan dan Pengukuran.....	60–75
Perakaunan untuk Obligasi Konstruktif.....	63–64
Penyata Kedudukan Kewangan	65–73
Penyata Prestasi Kewangan	74–75
Pengkiktirafan dan Pengukuran – Nilai kini Ditetapkan	
Obligasi Manfaat dan Kos Perkhidmatan Semasa.....	76–117

MPSAS 25 – Manfaat Pekerja

Kaedah Penilaian Aktuari.....	77–79
Memperuntukkan Manfaat untuk Tempoh Perkhidmatan.....	80–84
Andaian Aktuari.....	85–90
Andaian Aktuari – Kadar Diskaun.....	91–95
Andaian Aktuari – Gaji, Manfaat dan Kos Perubatan	96–104
Untung dan Rugi Aktuari.....	105–111
Kos Perkhidmatan Lampau.....	112–117
Pengiktirafan dan Pengukuran – Aset Pelan.....	118–127
Nilai Saksama Aset Pelan.....	118–120
Pembayaran Balik.....	121–124
Pulangan ke atas Aset Pelan.....	125–127
Gabungan Entiti.....	128
Pengurangan dan Penyelesaian.....	129–135
Pembentangan.....	136–139
Ofset.....	136–137
Perbezaan Semasa/Bukan Semasa.....	138
Komponen Kewangan bagi Kos Manfaat Pascapekerjaan.....	139
Pendedahan	140–146
Manfaat Pekerja Jangka Panjang yang Lain.....	147–153
Pengiktirafan dan Pengukuran	150–152
Pendedahan	153
Manfaat Penamatan	154–165
Pengiktirafan	155–160
Pengukuran	161–162
Pendedahan	163–165
Penggunaan Kali Pertama Piawai ini	166–176
Tarikh Kuat Kuasa	177–178
Panduan Aplikasi	
Contoh Ilustratif	
Perbandingan dengan IPSAS 25	

Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) 25, *Manfaat Pekerja*, dinyatakan dalam perenggan 1-178. Semua perenggan mempunyai kuasa yang setara. MPSAS 25 hendaklah dibaca mengikut konteks objektifnya dan *Prakata Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia*. MPSAS 3, *Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan* menyediakan asas untuk memilih dan menggunakan dasar perakaunan apabila tiada panduan yang jelas.

Objektif

1. Objektif Piawaian ini adalah untuk menentukan perakaunan dan pendedahan manfaat pekerja. Piawaian ini menghendaki entiti mengiktiraf:
 - (a) Liabiliti apabila pekerja telah memberikan perkhidmatan sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja yang akan dibayar pada masa hadapan; dan
 - (b) Perbelanjaan apabila entiti menggunakan manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang berpunca daripada perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja.

Skop

2. **Piawaian ini hendaklah digunakan oleh majikan dalam perakaunan untuk semua manfaat pekerja, kecuali urus niaga berasaskan perkongsian (lihat piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan yang relevan tentang urus niaga berasaskan perkongsian).**
3. Piawaian ini tidak membincangkan pelaporan mengikut pelan manfaat persaraan pekerja (lihat piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan yang relevan tentang pelan manfaat persaraan pekerja). Piawaian ini tidak membincangkan manfaat yang disediakan oleh program keselamatan sosial komposit, yang bukan merupakan ganjaran sebagai pertukaran bagi perkhidmatan yang telah diberikan oleh pekerja atau bekas pekerja dalam entiti sektor awam.
4. Manfaat pekerja yang tertakluk kepada Piawaian ini termasuk yang disediakan:
 - (a) Di bawah pelan rasmi atau perjanjian rasmi lain antara entiti dengan setiap pekerja, sekumpulan pekerja atau wakil mereka.
 - (b) Di bawah keperluan undang-undang, atau melalui aturan industri, apabila entiti dikehendaki mencarum dalam pelan negara, negeri, industri, atau pelan pelbagai majikan yang lain, atau apabila entiti dikehendaki mencarum dalam program keselamatan sosial komposit; atau
 - (c) Melalui amalan tidak rasmi yang menimbulkan obligasi konstruktif. Amalan tidak rasmi menimbulkan obligasi konstruktif apabila entiti tidak mempunyai alternatif yang realistik kecuali membayar manfaat pekerja. Contoh obligasi konstruktif ialah apabila perubahan dalam amalan tidak rasmi entiti akan menyebabkan terjejasnya hubungan dengan pekerja pada tahap yang tidak boleh diterima.
5. Manfaat pekerja termasuk:
 - (a) Manfaat pekerja jangka pendek, seperti upah, gaji dan caruman keselamatan sosial, cuti tahunan bergaji dan cuti sakit bergaji; perkongsian untung dan bonus (jika dibayar dalam tempoh dua belas bulan selepas tamat tempoh tertentu); dan manfaat bukan kewangan

(seperti rawatan perubatan, perumahan, kereta dan barangan atau perkhidmatan percuma atau subsidi) untuk pekerja semasa;

- (b) Manfaat pascapekerjaan seperti pensen, manfaat persaraan yang lain, insurans hayat pascapekerjaan dan rawatan perubatan pascapekerjaan;
- (c) Manfaat pekerja jangka panjang yang lain, termasuk cuti bagi tempoh perkhidmatan lama atau cuti sabatikal, manfaat jubli atau perkhidmatan bagi tempoh lama yang lain, manfaat hilang upaya jangka panjang, dan jika ia tidak dibayar sepenuhnya dalam tempoh dua belas bulan selepas tamat tempoh tertentu, perkongsian untung, bonus dan pampasan tertunda; dan
- (d) Manfaat penamatan.

Oleh sebab setiap kategori yang dikenal pasti dalam (a) – (d) di atas mempunyai ciri yang berbeza, Piawaian ini menetapkan keperluan yang berasingan bagi setiap kategori.

- 6. Manfaat pekerja termasuk manfaat yang disediakan untuk pekerja atau tanggungan mereka, dan boleh diselesaikan melalui bayaran (atau peruntukan barangan atau perkhidmatan) yang dibuat terus kepada pekerja, pasangannya, anak-anak, atau tanggungan lain, atau kepada pihak lain, seperti syarikat insurans.
- 7. Pekerja boleh memberikan perkhidmatan kepada entiti secara sepenuh masa, separuh masa, tetap, sambilan atau sementara. Bagi tujuan Piawaian ini, pekerja termasuk personel pengurusan utama seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 20, *Pendedahan Pihak Berkaitan*.
- 8. **Piawaian ini terpakai bagi semua entiti sektor awam selain Perusahaan Perniagaan Kerajaan (*Government Business Enterprise, GBE*).**
- 9. *Prakata Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia* yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara menerangkan bahawa GBE mengguna pakai piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). GBE ditakrifkan dalam MPSAS 1, *Pembentangan Penyata Kewangan*.

Takrif

- 10. **Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang dinyatakan:**

Untung dan rugi aktuari terdiri daripada:

- (a) **Pelarasan terdahulu (kesan daripada perbezaan antara andaian aktuari terdahulu dengan apa yang sebenarnya berlaku); dan**
- (b) **Kesan daripada perubahan dalam andaian aktuari.**

Aset yang dipegang oleh dana manfaat pekerja jangka panjang ialah aset (selain instrumen

kewangan tidak boleh pindah yang dikeluarkan oleh entiti pelaporan) yang:

- (a) Dipegang oleh entiti (dana) yang diasingkan secara sah daripada entiti pelaporan dan wujud semata-mata untuk membayar atau membiayai manfaat pekerja; dan
- (b) Disediakan hanya untuk kegunaan pembayaran atau pembiayaan manfaat pekerja, dan tidak disediakan untuk pemiutang entiti pelapor (walaupun dalam kebangkrutan) dan tidak boleh dipulangkan kepada entiti pelaporan, kecuali:
 - (i) Baki aset daripada dana adalah mencukupi untuk memenuhi semua obligasi manfaat pekerja yang berkaitan dalam pelan atau entiti pelaporan; atau
 - (ii) Aset dipulangkan kepada entiti pelaporan untuk membayar balik manfaat pekerja yang telah dibayar.

Program keselamatan sosial komposit diwujudkan mengikut undang-undang, dan

- (a) Berfungsi sebagai pelan pelbagai majikan bagi menyediakan manfaat pascapekerjaan; dan juga untuk
- (b) Menyediakan manfaat yang bukan merupakan ganjaran, sebagai pertukaran bagi perkhidmatan yang telah diberikan oleh pekerja.

Kos perkhidmatan semasa ialah kenaikan dalam nilai kini bagi obligasi manfaat ditentukan yang terhasil daripada perkhidmatan pekerja dalam tempoh semasa.

Pelan manfaat ditentukan ialah pelan manfaat pascapekerjaan selain pelan caruman ditentukan.

Pelan caruman ditentukan ialah pelan manfaat pascapekerjaan di mana entiti membayar caruman tetap ke dalam entiti (dana) berasingan, dan tiada obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya jika dana tersebut tidak memegang aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat pekerja yang berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam tempoh semasa dan tempoh terdahulu.

Manfaat pekerja ialah semua bentuk ganjaran yang diberikan oleh entiti sebagai pertukaran bagi perkhidmatan yang telah diberikan oleh pekerja.

Kos faedah ialah kenaikan nilai kini bagi obligasi manfaat ditentukan dalam satu tempoh, yang timbul kerana manfaat tersebut berada dalam satu tempoh yang hampir dengan penyelesaian.

Pelan pelbagai majikan ialah pelan caruman ditentukan (selain pelan negeri dan program keselamatan sosial komposit) atau pelan manfaat ditentukan (selain pelan negeri) yang:

- (a) Mengumpulkan aset yang dicarumkan oleh pelbagai entiti yang bukan di bawah

kawalan am; dan

- (b) Menggunakan aset tersebut bagi menyediakan manfaat untuk pekerja melebihi satu entiti, atas asas bahawa tahap caruman dan manfaat dapat ditentukan tanpa mengambil kira identiti bagi entiti yang menggaji pekerja berkenaan.

Manfaat pekerja jangka panjang yang lain ialah manfaat pekerja (selain manfaat pascapekerjaan dan manfaat penamatan) yang tidak perlu diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tamat tempoh pekerja memberikan perkhidmatan yang berkaitan.

Kos perkhidmatan lampau ialah perubahan dalam nilai kini bagi obligasi manfaat ditentukan untuk perkhidmatan pekerja dalam tempoh terdahulu, yang terhasil dalam tempoh semasa daripada pengenalan atau perubahan terhadap manfaat pascapekerjaan atau manfaat pekerja jangka panjang yang lain. Kos perkhidmatan lampau mungkin positif (apabila manfaat diperkenalkan atau diubah sehingga nilai kini bagi obligasi manfaat ditentukan meningkat) atau negatif (apabila manfaat semasa berubah sehingga nilai kini bagi obligasi ditentukan berkurang).

Aset pelan terdiri daripada:

- (a) Aset yang dipegang oleh dana manfaat pekerja jangka panjang; dan
- (b) Polisi insurans layak.

Manfaat pascapekerjaan ialah manfaat pekerja (selain manfaat penamatan) yang dibayar selepas tamat pekerjaan.

Pelan manfaat pascapekerjaan ialah aturan rasmi atau tidak rasmi yang di bawahnya entiti menyediakan manfaat pascapekerjaan untuk seorang pekerja atau lebih.

Nilai kini bagi obligasi manfaat ditentukan ialah nilai kini, tanpa menolak apa-apa aset pelan, bagi bayaran masa hadapan dijangka yang dikehendaki untuk menyelesaikan obligasi yang terhasil daripada perkhidmatan pekerja dalam tempoh semasa dan tempoh terdahulu.

Polisi insurans layak ialah polisi insurans* yang dikeluarkan oleh penginsurans yang bukan pihak yang berkaitan (seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 20) dengan entiti pelaporan, jika prosid polisi tersebut:

- (a) Boleh digunakan untuk membayar atau membiayai manfaat pekerja di bawah pelan manfaat ditentukan; dan
- (b) Tidak disediakan untuk pemiutang entiti pelaporan (walaupun dalam kebangkrapan) dan tidak boleh dipulangkan kepada entiti pelaporan, kecuali:
 - (i) Prosid yang mewakili aset berlebihan yang tidak diperlukan oleh polisi untuk

memenuhi semua obligasi manfaat pekerja yang berkaitan; atau

- (ii) Prosid dipulangkan kepada entiti pelaporan untuk membayar balik manfaat pekerja yang telah dibayar.

Pulangan ke atas aset pelan ialah faedah, dividen dan agihan yang sama dan hasil lain yang diperoleh daripada aset pelan, berserta untung atau rugi yang direalisasikan dan tidak direalisasikan ke atas aset pelan, tanpa mengambil kira kos pentadbiran pelan (selain yang termasuk dalam andaian aktuari yang digunakan untuk mengukur obligasi manfaat ditentukan) dan cukai yang dibayar oleh pelan tersebut.

Manfaat pekerja jangka pendek ialah manfaat pekerja (selain manfaat penamatan) yang perlu diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tamat tempoh pekerja memberikan perkhidmatan yang berkaitan.

Pelan negeri ialah pelan selain program keselamatan sosial komposit yang diwujudkan melalui undang-undang, yang berfungsi seolah-olah ia pelan pelbagai majikan bagi semua entiti dalam kategori ekonomi yang dinyatakan dalam perundangan.

Manfaat penamatan ialah manfaat pekerja yang dibayar berikutan:

- (a) Keputusan entiti untuk menamatkan perkhidmatan pekerja sebelum tarikh persaraan wajib; atau
- (b) Keputusan pekerja untuk menerima pemberhentian secara sukarela sebagai pertukaran untuk manfaat tersebut.

Manfaat pekerja terletak hak ialah manfaat pekerja tidak bersyarat ke atas pekerjaan masa hadapan.

Istilah yang ditakrifkan dalam MPSAS lain digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang sama seperti dalam Piawaian berkenaan, dan dihasilkan semula dalam *Glosari Istilah* yang diterbitkan secara berasingan.

Manfaat Pekerja Jangka Pendek

11. Manfaat pekerja jangka pendek termasuk item seperti:

- (a) Upah, gaji dan caruman keselamatan sosial;
- (b) Ketidakhadiran terpampas jangka pendek (seperti cuti tahunan bergaji dan cuti sakit bergaji) di mana pampasan bagi ketidakhadiran tersebut perlu diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tamat tempoh pekerja tersebut memberikan perkhidmatan yang berkaitan;
- (c) Bonus berkaitan prestasi dan perkongsian untung dibayar dalam tempoh dua belas bulan

selepas tamat tempoh pekerja memberikan perkhidmatan yang berkaitan; dan

- (d) Manfaat bukan kewangan (seperti kemudahan rawatan perubatan, perumahan, kereta dan barangan atau perkhidmatan yang diberi secara percuma atau subsidi) untuk pekerja semasa.
12. Perakaunan untuk manfaat pekerja jangka pendek biasanya jelas dan mudah kerana tiada andaian aktuari dikehendaki untuk mengukur obligasi atau kos, dan tiada kemungkinan wujudnya apa-apa untung atau rugi aktuari. Selain itu, obligasi manfaat pekerja jangka pendek diukur pada asas tanpa diskaun.

Pengiktirafan dan Pengukuran

Semua Manfaat Pekerja Jangka Pendek

13. **Apabila pekerja telah memberikan perkhidmatan kepada entiti dalam satu tempoh perakaunan, entiti hendaklah mengiktiraf amaun tanpa diskaun bagi manfaat pekerja jangka pendek yang dijangka perlu dibayar sebagai pertukaran bagi perkhidmatan tersebut:**
- (a) **Sebagai liabiliti (perbelanjaan terakru), selepas menolak apa-apa amaun yang telah dibayar. Jika amaun yang telah dibayar melebihi amaun tanpa diskaun bagi manfaat tersebut, entiti hendaklah mengiktiraf lebihan tersebut sebagai aset (perbelanjaan prabayar) setakat bayaran terdahulu tersebut menyebabkan, contohnya, pengurangan dalam bayaran masa hadapan atau bayaran balik tunai; dan**
 - (b) **Sebagai perbelanjaan, melainkan Piawaian lain menghendaki atau membenarkan pengiktirafan manfaat sebagai kos aset (contohnya, rujuk MPSAS 12, *Inventori*, dan MPSAS 17, *Hartanah, Loji dan Peralatan*).**

Perenggan 14, 17 dan 20 menerangkan cara untuk entiti menggunakan keperluan ini terhadap manfaat pekerja jangka pendek dalam bentuk ketidakhadiran terpampas serta pelan bonus dan perkongsian untung.

Ketidakhadiran Terpampas Jangka Pendek

14. **Entiti hendaklah mengiktiraf kos dijangka bagi manfaat pekerja jangka pendek dalam bentuk ketidakhadiran terpampas di bawah perenggan 13 seperti yang berikut:**
- (a) **Bagi ketidakhadiran terpampas dan terkumpul, apabila pekerja memberikan perkhidmatan yang meningkatkan kelayakannya kepada ketidakhadiran terpampas masa hadapan; dan**
 - (b) **Bagi ketidakhadiran terpampas tidak terkumpul, apabila ketidakhadiran berlaku.**
15. Entiti boleh memberikan pampasan kepada pekerja bagi ketidakhadiran atas pelbagai sebab,

termasuk percutian, sakit dan hilang upaya jangka pendek, cuti bersalin atau cuti paterniti, perkhidmatan juri dan perkhidmatan tentera. Kelayakan bagi ketidakhadiran terpampas terbahagi kepada dua kategori:

- (a) Berkumpul; dan
 - (b) Tidak berkumpul.
16. Ketidakhadiran terpampas berkumpul ialah kelayakan yang dibawa ke hadapan dan boleh digunakan dalam tempoh hadapan jika kelayakan tempoh semasa tidak digunakan sepenuhnya. Ketidakhadiran terpampas berkumpul mungkin sama ada letak hak (dalam perkataan lain, pekerja layak menerima bayaran tunai untuk kelayakan yang tidak digunakan apabila meninggalkan entiti) atau tidak letak hak (apabila pekerja tidak layak menerima bayaran tunai untuk kelayakan yang belum digunakan apabila meninggalkan entiti). Obligasi timbul apabila pekerja memberikan perkhidmatan yang meningkatkan kelayakannya untuk ketidakhadiran terpampas masa hadapan. Obligasi wujud dan diiktiraf, walaupun ketidakhadiran terpampas tersebut tidak letak hak, walaupun kemungkinan pekerja akan meninggalkan entiti sebelum mereka menggunakan kelayakan tidak letak hak berkumpul yang memberi kesan kepada pengukuran obligasi tersebut.
17. **Entiti hendaklah mengukur kos dijangka bagi ketidakhadiran terpampas berkumpul sebagai amaun tambahan yang dijangka dibayar oleh entiti disebabkan oleh kelayakan berkumpul yang tidak digunakan pada tarikh pelaporan.**
18. Kaedah yang dinyatakan dalam perenggan 17 mengukur obligasi pada amaun bayaran tambahan yang dijangka timbul semata-mata disebabkan manfaat yang berkumpul. Dalam kebanyakan keadaan, entiti mungkin tidak perlu membuat pengiraan terperinci untuk membuat anggaran bahawa tiada obligasi material bagi ketidakhadiran terpampas yang tidak digunakan. Contohnya, obligasi cuti sakit yang mungkin material hanya jika wujud persefahaman rasmi atau tidak rasmi bahawa cuti sakit bergaji yang tidak diambil boleh dianggap sebagai percutian bergaji.
19. Ketidakhadiran terpampas tidak berkumpul tidak boleh dibawa ke hadapan; ia akan luput jika kelayakan tempoh semasa tidak digunakan sepenuhnya dan tidak melayakkan pekerja mendapat bayaran tunai bagi kelayakan yang tidak digunakan apabila meninggalkan entiti. Keadaan ini biasanya untuk cuti sakit bergaji (setakat kelayakan lampau yang tidak digunakan dan tidak meningkatkan kelayakan masa hadapan), cuti bersalin atau cuti paterniti, dan ketidakhadiran terpampas untuk perkhidmatan juri atau perkhidmatan tentera. Entiti tidak mengiktiraf liabiliti atau perbelanjaan sehingga ketidakhadiran berlaku, oleh sebab perkhidmatan pekerja tidak meningkatkan amaun manfaat.

Bayaran Bonus dan Bayaran Perkongsian Untung

20. **Entiti hendaklah mengiktiraf jangkaan kos dijangka bagi bayaran bonus dan bayaran perkongsian untung di bawah perenggan 13, hanya apabila:**
- (a) **Entiti mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif semasa untuk membuat**

bayaran tersebut akibat peristiwa lampau; dan

(b) Anggaran yang pasti terhadap obligasi boleh dilakukan.

Obligasi kini wujud, hanya apabila entiti tidak mempunyai alternatif realistik melainkan untuk membuat pembayaran.

21. Dalam sektor awam, sesetengah entiti mempunyai pelan bonus yang berkaitan dengan objektif penyampaian perkhidmatan atau aspek prestasi kewangan. Di bawah pelan tersebut, pekerja menerima amaun yang ditetapkan, bergantung pada penilaian terhadap sumbangan mereka dalam pencapaian objektif entiti atau segmen entiti. Dalam sesetengah keadaan, pelan tersebut mungkin untuk sekumpulan pekerja, contohnya apabila prestasi dinilai untuk semua atau sebahagian pekerja dalam segmen tertentu, dan bukan berasaskan individu. Disebabkan objektif entiti sektor awam, pelan perkongsian untung sangat jarang diamalkan dalam sektor awam berbanding entiti berorientasikan keuntungan. Walau bagaimanapun, ia lebih merupakan aspek saraan pekerja dalam segmen di entiti sektor awam yang beroperasi secara komersial. Sesetengah entiti sektor awam mungkin tidak melaksanakan skim perkongsian untung, tetapi mungkin menilai prestasi berdasarkan pengukuran berasaskan kewangan seperti penjanaan aliran hasil dan pencapaian sasaran bajet. Sesetengah pelan bonus mungkin memerlukan pembayaran kepada semua pekerja yang memberikan perkhidmatan pekerjaan dalam tempoh pelaporan, walaupun mereka mungkin telah meninggalkan entiti sebelum tarikh pelaporan. Walau bagaimanapun, di bawah pelan bonus yang lain, pekerja akan menerima bayaran hanya jika mereka kekal dengan entiti bagi satu tempoh yang ditetapkan, contohnya, keperluan yang menghendaki pekerja memberikan perkhidmatan sepanjang tempoh pelaporan. Pelan tersebut mewujudkan obligasi konstruktif apabila pekerja memberikan perkhidmatan yang meningkatkan amaun yang perlu dibayar jika mereka kekal dalam perkhidmatan sehingga tamat tempoh yang ditetapkan. Pengukuran obligasi konstruktif tersebut menggambarkan kemungkinan bahawa sesetengah pekerja mungkin meninggalkan entiti tanpa menerima bayaran perkongsian untung. Perenggan 23 menyatakan syarat selanjutnya yang perlu dipenuhi sebelum entiti boleh mengiktiraf kos dijangka bagi bayaran berkaitan prestasi, bayaran bonus, dan bayaran perkongsian untung.
22. Entiti mungkin tidak mempunyai obligasi undang-undang untuk membayar bonus. Walau bagaimanapun, dalam sesetengah keadaan, entiti mengamalkan pembayaran bonus. Dalam keadaan ini, entiti mempunyai obligasi konstruktif kerana entiti tidak mempunyai alternatif yang realistik selain membayar bonus. Pengukuran obligasi konstruktif menggambarkan kemungkinan bahawa sesetengah pekerja mungkin meninggalkan entiti tanpa menerima bonus.
23. Entiti boleh menyediakan anggaran yang pasti bagi obligasi undang-undang atau konstruktif di bawah skim bayaran berkaitan prestasi, pelan bonus, atau skim perkongsian untung, hanya apabila:
 - (a) Terma rasmi pelan mengandungi formula untuk menentukan amaun manfaat;
 - (b) Entiti menentukan amaun yang akan dibayar sebelum penyata kewangan disahkan untuk dikeluarkan; atau

- (c) Amalan lampau memberikan bukti yang jelas tentang amaun obligasi konstruktif entiti.
- 24. Obligasi di bawah pelan bonus dan pelan perkongsian untung wujud disebabkan perkhidmatan pekerja, dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keadaan lebih atau kurang.
- 25. Jika bayaran bonus dan perkongsian untung tidak dibayar sepenuhnya dalam tempoh dua belas bulan selepas tamat tempoh pekerja memberikan perkhidmatan yang berkaitan, bayaran tersebut diklasifikasikan sebagai manfaat pekerja jangka panjang yang lain (lihat perenggan 147 – 153).

Pendedahan

- 26. Walaupun Piawaian ini tidak menghendaki pendedahan spesifik tentang manfaat pekerja jangka pendek, namun Piawaian lain mungkin menghendaki pendedahan. Contohnya, MPSAS 20 menghendaki pendedahan agregat saraan untuk personel pengurusan utama dan MPSAS 1 menghendaki pendedahan maklumat tentang manfaat pekerja.

Manfaat Pascapekerjaan – Perbezaan antara

Pelan Caruman Ditetapkan dan Pelan Manfaat Ditetapkan

- 27. Manfaat pascapekerjaan termasuk, contohnya:
 - (a) Manfaat persaraan, seperti pencen; dan
 - (b) Manfaat pascapekerjaan lain, seperti insurans hayat pascapekerjaan dan rawatan perubatan pascapekerjaan.

Sesuatu aturan apabila entiti menyediakan manfaat pascapekerjaan adalah merupakan pelan manfaat pascapekerjaan. Entiti menggunakan Piawaian ini bagi semua aturan tersebut, sama ada ia melibatkan penubuhan entiti berasingan, seperti skim pencen, skim persaraan, atau skim manfaat persaraan, untuk menerima caruman dan membayar manfaat.

- 28. Pelan manfaat pascapekerjaan diklasifikasikan sebagai pelan caruman ditetapkan atau pelan manfaat ditetapkan, bergantung kepada teras ekonomi pelan tersebut, seperti yang diperoleh daripada terma dan syarat utamanya. Bagi membolehkan pelan diklasifikasikan sebagai pelan caruman ditetapkan, pelan manfaat pascapekerjaan mesti menghendaki entiti membayar caruman tetap ke dalam entiti berasingan. Di bawah pelan caruman ditetapkan:
 - (a) Obligasi undang-undang atau obligasi konstruktif bagi sesuatu entiti terhad kepada amaun yang dipersetujui untuk dicarum ke dalam dana. Oleh itu, amaun manfaat pascapekerjaan yang diterima oleh pekerja ditetapkan melalui amaun caruman yang dibayar oleh entiti (dan juga pekerja) ke dalam pelan manfaat pascapekerjaan atau kepada syarikat insurans, berserta pulangan pelaburan yang berpunca daripada caruman tersebut; dan
 - (b) Akibatnya, risiko aktuari (manfaat tersebut kurang daripada yang dijangka) dan risiko

pelaburan (aset yang dilaburkan tersebut tidak mencukupi untuk memenuhi manfaat dijangka) ditanggung oleh pekerja.

29. Contoh situasi apabila obligasi entiti tidak terhad kepada amaun yang dipersetujui untuk dicarum ke dalam dana adalah apabila entiti mempunyai obligasi undang-undang atau obligasi konstruktif melalui:
- (a) Formula manfaat pelan yang tidak dikaitkan semata-mata dengan amaun caruman;
 - (b) Jaminan, sama ada secara tidak langsung melalui pelan atau secara langsung, bagi pulangan ditetapkan ke atas caruman; atau
 - (c) Amalan tidak rasmi yang menimbulkan obligasi konstruktif. Contohnya, obligasi konstruktif mungkin timbul apabila entiti mempunyai sejarah menaikkan manfaat bekas pekerja supaya dapat disesuaikan dengan keadaan inflasi, walaupun tidak mempunyai obligasi undang-undang untuk berbuat demikian.
30. Di bawah pelan manfaat ditentukan:
- (a) Obligasi entiti menyediakan manfaat yang dipersetujui untuk pekerja semasa dan bekas pekerja; dan
 - (b) Risiko aktuari (kos manfaat melebihi apa yang dijangka) dan risiko pelaburan berkurang, ke atas entiti. Jika keadaan aktuari atau pelaburan lebih teruk daripada yang dijangkakan, obligasi entiti mungkin meningkat.
31. Tidak seperti pelan caruman, takrif bagi pelan manfaat ditentukan tidak menghendaki bayaran caruman kepada entiti berasingan. Perenggan 32-53 di bawah menerangkan perbezaan antara pelan caruman ditentukan dengan pelan manfaat ditentukan dari konteks pelan pelbagai majikan, pelan negeri, program keselamatan sosial komposit dan manfaat diinsuranskan.

Pelan Pelbagai Majikan

32. **Entiti hendaklah mengklasifikasikan pelan pelbagai majikan sebagai pelan caruman ditentukan atau pelan manfaat ditentukan di bawah terma pelan (termasuk apa-apa obligasi konstruktif yang di luar terma rasmi). Jika pelan pelbagai majikan ialah pelan manfaat ditentukan, entiti hendaklah:**
- (a) **Mengakaunkan bahagian berkadar obligasi manfaat ditentukan, aset pelan dan kos yang berkaitan dengan pelan dengan cara yang sama seperti untuk mana-mana pelan manfaat ditentukan yang lain; dan**
 - (b) **Mendedahkan maklumat yang dikehendaki oleh perenggan 141.**
33. **Apabila tiada maklumat yang mencukupi tidak ada untuk mengakaunkan manfaat ditentukan bagi pelan pelbagai majikan yang merupakan pelan manfaat ditentukan, entiti**

hendaklah:

- (a) **Mengakaunkan pelan tersebut di bawah perenggan 55-57 seolah-olah ia pelan caruman ditentukan;**
- (b) **Mendedahkan:**
 - (i) **hakikat bahawa pelan tersebut ialah pelan manfaat ditentukan; dan**
 - (ii) **Alasan mengapa maklumat yang mencukupi tidak ada bagi membolehkan entiti mengakaunkan pelan tersebut sebagai pelan manfaat ditentukan; dan**
- (c) **Apabila lebih atau kurang dalam pelan mungkin mempengaruhi amaun caruman masa hadapan, pendedahan tambahan mengenai:**
 - (i) **Apa-apa maklumat berkaitan lebih atau kurang;**
 - (ii) **Asas yang digunakan untuk menentukan lebih atau kurang; dan**
 - (iii) **Implikasi, jika ada, untuk entiti tersebut.**

34. Contoh pelan manfaat ditentukan pelbagai majikan adalah apabila:

- (a) Pelan tersebut dibiayai dibayar terdahulu secukupnya, sehingga caruman majikan dan/atau pekerja ditetapkan pada satu tahap yang dijangka mencukupi untuk membayar manfaat yang perlu dibayar dalam tempoh yang sama, dan manfaat masa hadapan yang diperoleh dalam tempoh semasa akan dibayar daripada caruman masa hadapan; dan
- (b) Manfaat pekerja ditentukan berdasarkan tempoh perkhidmatan dan entiti penyertaan tidak mempunyai cara yang realistik untuk mengeluarkannya daripada pelan tersebut tanpa membayar caruman untuk manfaat yang diperoleh oleh pekerja sehingga ke tarikh pengeluaran caruman.

Pelan tersebut mewujudkan risiko aktuari untuk entiti, jika kos akhir manfaat yang diperoleh pada tarikh pelaporan lebih daripada yang dijangka, entiti akan menaikkan carumannya atau meminta pekerja supaya menerima pengurangan dalam manfaat. Oleh itu, pelan tersebut ialah pelan manfaat ditentukan.

35. Jika maklumat yang mencukupi diperoleh tentang pelan pelbagai majikan, iaitu pelan manfaat ditentukan, entiti hendaklah mengakaunkan bahagian berkadar bagi obligasi manfaat ditentukan, aset pelan dan kos manfaat pascapekerjaan yang dikaitkan dengan pelan tersebut menggunakan cara yang sama seperti untuk mana-mana pelan manfaat ditentukan yang lain. Walau bagaimanapun, terdapat keadaan apabila entiti mungkin tidak dapat mengenal pasti bagiannya dalam kedudukan kewangan dasar dan prestasi pelan dengan kepastian yang mencukupi untuk tujuan perakaunan. Hal ini boleh berlaku jika:

- (a) Entiti tidak mempunyai akses terhadap maklumat tentang pelan yang memenuhi keperluan Piawaian ini; atau
- (b) Pelan mendedahkan entiti penyertaan terhadap risiko aktuari yang berkaitan dengan pekerja semasa dan bekas pekerja entiti lain, yang mengakibatkan tiada asas yang konsisten dan kukuh bagi memperuntukkan obligasi, aset pelan dan kos kepada entiti individu yang menyertai pelan.

Dalam keadaan tersebut, entiti mengakaunkan pelan tersebut seolah-olah ia pelan caruman ditentukan, dan mendedahkan maklumat tambahan yang dikehendaki oleh perenggan 33.

- 36. Mungkin wujud perjanjian kontrak antara pelan pelbagai majikan dengan entiti peserta yang menentukan cara lebih dalam pelan akan diagihkan kepada entiti peserta (atau kurangan dengan dana). Peserta dalam pelan pelbagai majikan yang terlibat dalam perjanjian sedemikian yang mengakaunkan pelan tersebut sebagai pelan caruman ditentukan menurut perenggan 33, mengiktiraf aset atau liabiliti yang timbul daripada perjanjian kontrak, dan hasil atau perbelanjaan yang terhasil dalam lebih atau kurangan.
- 37. MPSAS 19, *Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka* menghendaki entiti mendedahkan maklumat tentang sesetengah liabiliti luar jangka. Dalam konteks pelan pelbagai majikan, liabiliti luar jangka mungkin timbul daripada, contohnya:
 - (a) Rugi aktuari yang berkaitan dengan entiti penyertaan oleh sebab setiap entiti yang menyertai pelan pelbagai majikan berkongsi risiko aktuari bagi setiap entiti penyertaan lain; atau
 - (b) Apa-apa tanggungjawab di bawah syarat pelan untuk membiayai apa-apa kekurangan dalam pelan jika entiti lain menamatkan penyertaannya.
- 38. Pelan pelbagai majikan berbeza daripada pelan pentadbiran kumpulan. Pelan pentadbiran kumpulan ialah agregat bagi semua pelan majikan tunggal yang digabungkan bagi membolehkan majikan yang menyertai pelan tersebut mengumpulkan aset mereka untuk tujuan pelaburan dan mengurangkan kos pengurusan dan pentadbiran pelaburan, tetapi tuntutan daripada majikan yang berbeza diasingkan semata-mata untuk manfaat pekerja mereka masing-masing. Pelan pentadbiran kumpulan tidak menimbulkan masalah perakaunan tertentu oleh sebab maklumat mudah diperolehi untuk menguruskannya dengan cara yang sama seperti untuk mana-mana pelan majikan tunggal yang lain dan oleh sebab pelan tersebut tidak mendedahkan entiti penyertaan terhadap risiko aktuari yang berkaitan dengan pekerja semasa dan bekas pekerja entiti lain. Takrif dalam Piawaian ini menghendaki entiti mengelaskan pelan pentadbiran kumpulan sebagai pelan caruman ditentukan atau pelan manfaat ditentukan menurut syarat pelan (termasuk apa-apa obligasi konstruktif yang melangkaui syarat rasmi).

Pelan Manfaat Ditentukan apabila Entiti Penyertaan di bawah Kawalan Am

- 39. Pelan manfaat ditentukan yang berkongsi risiko antara beberapa entiti di bawah kawalan am,

contohnya, entiti mengawal dan dikawal bukan pelan pelbagai majikan.

40. Entiti yang menyertai pelan tersebut mendapat maklumat tentang pelan secara keseluruhan, diukur menurut Piawaian ini berasaskan andaian bahawa entiti digunakan ke atas pelan secara keseluruhan. Jika terdapat perjanjian kontrak, aturan mengikat, atau dasar dinyatakan untuk mengenakan caj ke atas kos bersih manfaat ditentukan untuk pelan secara keseluruhan menurut Piawaian ini ke atas entiti individu dalam entiti ekonomi, maka entiti tersebut hendaklah, dalam penyata kewangan individu atau berasingan, mengiktiraf kos bersih manfaat ditentukan yang dikenakan. Jika tiada perjanjian, aturan atau dasar tersebut, kos bersih manfaat ditentukan hendaklah diiktiraf dalam penyata kewangan individu atau berasingan entiti tersebut iaitu majikan yang sah untuk pelan tersebut. Entiti lain hendaklah, dalam penyata kewangan individu atau berasingan, mengiktiraf kos yang bersamaan dengan caruman mereka yang dibayar untuk tempoh tersebut.
41. Terdapat keadaan dalam sektor awam apabila satu entiti mengawal dan satu atau lebih entiti dikawal yang menyertai pelan manfaat ditentukan. Akaun entiti dikawal menggunakan asas caruman ditentukan dan entiti mengawal menggunakan asas manfaat ditentukan dalam penyata kewangan gabungannya, melainkan wujud perjanjian kontrak, aturan mengikat, atau dasar bertulis, seperti yang dinyatakan dalam perenggan 40. Entiti dikawal juga mendedahkan yang entiti menggunakan asas caruman ditentukan dalam penyata kewangan berasingannya. Entiti dikawal yang menggunakan asas caruman ditentukan juga menyediakan butiran tentang entiti mengawal, dan menyatakan bahawa, dalam penyata kewangan digabungkan bagi entiti mengawal, entiti menggunakan asas manfaat ditentukan. Entiti dikawal juga membuat pendedahan yang dikehendaki dalam perenggan 42.
42. **Penyertaan dalam pelan tersebut ialah urusan niaga pihak berkaitan bagi setiap entiti berasingan. Oleh itu, entiti hendaklah, dalam penyata kewangan individu atau berasingan, membuat pendedahan yang berikut:**
 - (a) **Perjanjian kontrak, aturan mengikat atau dasar dinyatakan untuk mengenakan caj ke atas kos bersih manfaat ditentukan atau dasar tersebut tidak wujud.**
 - (b) **Dasar untuk menentukan caruman yang perlu dibayar oleh entiti.**
 - (c) **Jika entiti mengakaunkan peruntukan bagi kos bersih manfaat ditentukan menurut perenggan 40, maka semua maklumat tentang pelan secara keseluruhannya adalah menurut perenggan 140-142.**
 - (d) **Jika entiti mengakaunkan caruman yang dibayar bagi tempoh tersebut menurut perenggan 40, maklumat tentang pelan secara keseluruhan hendaklah menurut perenggan 141(b) – (e), (j), (n), (o), (q) dan 142. Pendedahan lain yang dikehendaki oleh perenggan 141 tidak terpakai.**

Pelan Negeri

43. **Entiti hendaklah mengakaunkan manfaat pascapekerjaan di bawah pelan negeri dengan cara yang sama seperti untuk pelan pelbagai majikan (lihat perenggan 32 dan 33).**
44. Pelan negeri diwujudkan melalui undang-undang untuk melindungi semua entiti (atau semua entiti dalam kategori tertentu, contohnya, industri khusus) dan diuruskan oleh kerajaan negara, negeri atau tempatan atau oleh badan lain (contohnya, agensi yang diwujudkan khusus untuk tujuan ini). Piawaian ini hanya membincangkan manfaat pekerja bagi entiti, dan tidak membincangkan perakaunan bagi apa-apa obligasi di bawah pelan negeri yang berkaitan dengan pekerja dan bekas pekerja entiti yang tidak dikawal oleh entiti yang menyediakan pelaporan. Walaupun kerajaan mungkin mewujudkan pelan negeri dan menyediakan manfaat untuk pekerja entiti sektor swasta dan/atau individu bekerja sendiri, obligasi yang timbul bagi pelan tersebut tidak dibincangkan dalam Piawaian ini.
45. Kebanyakan pelan negeri adalah dibayar terdahulu secukupnya dengan dana: caruman ditetapkan pada satu tahap yang dijangka mencukupi untuk membayar manfaat yang dikehendaki yang perlu dibayar dalam tempoh yang sama; manfaat masa hadapan yang diperoleh dalam tempoh semasa akan dibayar daripada caruman masa hadapan. Entiti yang dilindungi oleh pelan negeri mengakaunkan pelan tersebut sebagai pelan caruman ditentukan atau pelan manfaat ditentukan. Olahan perakaunan bergantung sama ada entiti mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar manfaat masa hadapan. Jika obligasi entiti hanya membayar caruman apabila ia perlu dibayar, dan entiti tidak mempunyai obligasi untuk membayar manfaat masa hadapan, entiti hendaklah mengakaunkan pelan negeri tersebut sebagai pelan caruman ditentukan.
46. Pelan negeri boleh diklasifikasikan sebagai pelan caruman ditentukan oleh entiti dikawal. Walau bagaimanapun, andaian yang menyatakan pelan negeri boleh ditolak sebagai pelan manfaat ditentukan oleh entiti mengawal. Jika andaian tersebut ditolak, pelan negeri hendaklah diakaunkan sebagai pelan caruman ditentukan.

Program Keselamatan Sosial Komposit

47. **Entiti yang menyediakan pelaporan hendaklah mengakaunkan manfaat pascapekerjaan di bawah program keselamatan sosial komposit dengan cara yang sama seperti untuk pelan pelbagai majikan (lihat perenggan 32 dan 33).**
48. Program keselamatan sosial komposit diwujudkan melalui undang-undang dan menyediakan manfaat untuk individu yang memenuhi kriteria kelayakan. Kriteria tersebut terutamanya memasukkan keperluan yang dicapai oleh individu pada umur persaraan yang ditetapkan dalam undang-undang. Mungkin juga terdapat kriteria lain yang berkaitan dengan faktor seperti pendapatan dan kekayaan peribadi. Dalam sesetengah bidang kuasa, program keselamatan sosial komposit juga mungkin berfungsi menyediakan manfaat sebagai ganjaran bagi pertukaran perkhidmatan yang diberikan oleh individu. Piawaian ini hanya membincangkan obligasi dalam program keselamatan sosial komposit yang timbul sebagai ganjaran bagi pertukaran

perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja dan bekas pekerja entiti yang menyediakan pelaporan. Piawai ini menghendaki entiti yang menyediakan pelaporan mengakaunkan obligasi untuk manfaat pekerja yang timbul di bawah program keselamatan sosial komposit seperti untuk pelan pelbagai majikan menurut perenggan 32 dan 33.

49. Bagi entiti ekonomi, melihat kepada keseluruhan kerajaan, pengolahan perakaunan untuk obligasi bagi manfaat pekerja di bawah program keselamatan sosial komposit bergantung sama ada komponen program tersebut berfungsi menyediakan manfaat pascapekerjaan untuk pekerja dalam entiti ekonomi yang disifatkan sebagai pelan caruman ditentukan atau pelan manfaat ditentukan. Dalam membuat pertimbangan ini, faktor yang diterangkan dalam perenggan 35 hendaklah diambil kira.

Manfaat Diinsuranskan

50. **Entiti mungkin membayar premium insurans untuk membiayai pelan manfaat pascapekerjaan. Entiti hendaklah menguruskan pelan tersebut sebagai pelan caruman ditentukan kecuali entiti mempunyai (sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui pelan) obligasi undang-undang atau konstruktif untuk sama ada:**

- (a) **Membayar manfaat kepada pekerja serta merta apabila ia perlu dibayar; atau**
- (b) **Membayar amaun selanjutnya jika penginsurans tidak membayar semua manfaat pekerja masa hadapan yang berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam tempoh semasa dan tempoh terdahulu.**

Jika entiti mengekalkan obligasi undang-undang atau konstruktif, entiti tersebut hendaklah menguruskan pelan tersebut sebagai pelan manfaat ditentukan.

51. Manfaat yang diinsuranskan melalui kontrak insurans tidak perlu mempunyai hubungan langsung atau automatik dengan obligasi entiti untuk manfaat pekerja. Pelan manfaat pascapekerjaan yang melibatkan kontrak insurans tertakluk kepada perbezaan yang sama antara perakaunan dan dana seperti pelan dengan dana yang lain.
52. Jika entiti membiayai obligasi manfaat pascapekerjaan dengan mencarum ke dalam polisi insurans yang di bawahnya (sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui pelan, melalui mekanisme untuk menetapkan premium masa hadapan, atau melalui hubungan pihak berkaitan dengan penginsurans) yang mengekalkan obligasi undang-undang atau konstruktif, bayaran premium tersebut tidak sama dengan aturan caruman ditentukan. Oleh itu entiti hendaklah:
- (a) Menerangkan polisi insurans layak sebagai aset pelan (lihat perenggan 10); dan
 - (b) Mengiktiraf polisi insurans lain sebagai hak pembayaran balik (jika polisi memenuhi kriteria dalam perenggan 121).

53. Jika polisi insurans:

- (a) di bawah nama peserta pelan atau kumpulan peserta pelan yang ditetapkan, dan
- (b) entiti tidak mempunyai apa-apa obligasi undang-undang atau konstruktif untuk melindungi apa-apa kerugian ke atas polisi, maka entiti tidak mempunyai obligasi untuk membayar manfaat kepada pekerja, dan penginsurans bertanggungjawab penuh untuk membayar manfaat tersebut.

Bayaran bagi premium tetap di bawah kontrak tersebut pada amnya ialah penyelesaian obligasi manfaat pekerja, dan bukan pelaburan bagi memenuhi obligasi. Seterusnya, entiti tidak lagi mempunyai aset atau liabiliti. Oleh itu, entiti hendaklah menguruskan bayaran tersebut sebagai caruman ke dalam pelan caruman ditentukan.

Manfaat Pascapekerjaan — Pelan Caruman Ditetapkan

54. Perakaunan untuk pelan caruman ditentukan biasanya jelas dan mudah kerana obligasi entiti yang menyediakan pelaporan bagi setiap tempoh ditentukan melalui amaun yang akan dicarum bagi tempoh tersebut. Seterusnya, andaian aktuari tidak dikehendaki untuk mengukur obligasi atau perbelanjaan, dan tidak terdapat kemungkinan apa-apa untung atau rugi aktuari. Selain itu, obligasi diukur pada asas tanpa diskaun, kecuali apabila obligasi tidak perlu dibayar sepenuhnya dalam tempoh dua belas bulan selepas tamat tempoh pekerja memberikan perkhidmatan yang berkaitan.

Pengiktirafan dan Pengukuran

55. **Jika pekerja telah memberikan perkhidmatan kepada entiti dalam satu tempoh, entiti tersebut hendaklah mengiktiraf caruman yang dibayar ke dalam pelan caruman ditentukan sebagai pertukaran untuk perkhidmatan tersebut:**
- (a) **Sebagai liabiliti (perbelanjaan terakru), selepas menolak apa-apa caruman yang telah dibayar. Jika caruman yang telah dibayar tersebut melebihi caruman yang perlu dibayar untuk perkhidmatan sebelum tarikh pelaporan, maka entiti hendaklah mengiktiraf lebihan tersebut sebagai aset (perbelanjaan prabayar) setakat bayaran terdahulu tersebut akan menyebabkan, contohnya, pengurangan dalam bayaran masa hadapan atau bayaran balik tunai; dan**
 - (b) **Sebagai perbelanjaan, kecuali Piawaian lain menghendaki atau membenarkan pemasukan caruman dalam kos aset (lihat, contohnya, MPSAS 12 dan MPSAS 17).**
56. **Apabila caruman dalam pelan caruman ditentukan tidak perlu dibayar sepenuhnya dalam tempoh dua belas bulan selepas tamat tempoh pekerja memberikan perkhidmatan yang berkaitan, ia hendaklah didiskaunkan dengan menggunakan kadar diskaun yang dinyatakan dalam perenggan 91.**

Pendedahan

57. **Entiti hendaklah mendedahkan amaun yang diiktiraf sebagai perbelanjaan untuk pelan caruman ditentukan.**
58. Jika dikehendaki oleh MPSAS 20, entiti hendaklah mendedahkan maklumat tentang caruman ke dalam pelan caruman untuk personel pengurusan utama.

Manfaat Pascapekerjaan — Pelan Manfaat Ditentukan

59. Perakaunan untuk pelan manfaat ditentukan adalah rumit, kerana andaian aktuari dikehendaki untuk mengukur obligasi dan perbelanjaan, dan terdapat kemungkinan wujudnya untung dan rugi aktuari. Selain itu, obligasi diukur pada asas terdiskaun, kerana ia mungkin diselesaikan beberapa tahun selepas pekerja memberikan perkhidmatan yang berkaitan.

Pengiktirafan dan Pengukuran

60. Pelan manfaat ditentukan mungkin, atau mungkin sepenuhnya atau sebahagiannya dengan dana melalui caruman oleh entiti, dan kadang-kadang oleh pekerjaanya, ke dalam entiti atau dana yang diasingkan secara sah daripada entiti pelaporan dan yang daripadanya manfaat pekerja akan dibayar. Bayaran manfaat dengan dana apabila entiti perlu dibayar bergantung bukan sahaja pada kedudukan kewangan dan prestasi pelaburan dana tetapi juga kemampuan entiti (dan kesediaan) untuk membayar balik apa-apa kekurangan dalam aset dana. Oleh itu, entiti, pada amnya, menaja jamin risiko aktuari dan risiko pelaburan yang berkaitan dengan pelan. Seterusnya, perbelanjaan yang diiktiraf untuk pelan manfaat ditentukan tidak semestinya amaun caruman yang perlu dibayar bagi tempoh tersebut.
61. Perakaunan oleh entiti untuk pelan manfaat ditentukan melibatkan beberapa langkah berikut:
 - (a) Menggunakan teknik aktuari untuk membuat anggaran yang pasti bagi amaun manfaat yang diperoleh oleh pekerja sebagai pulangan untuk perkhidmatan mereka dalam tempoh semasa dan tempoh terdahulu. Teknik ini menghendaki entiti menentukan jumlah manfaat yang berpunca daripada tempoh semasa dan tempoh terdahulu (lihat perenggan 80-84), dan membuat anggaran (andaian aktuari) tentang pemboleh ubah demografik (seperti pusing ganti dan jangka hayat pekerja) serta pemboleh ubah kewangan (seperti kenaikan gaji dan kos perubatan masa hadapan) yang akan mempengaruhi kos manfaat (lihat perenggan 85-104);
 - (b) Mendiskaunkan manfaat tersebut dengan menggunakan Kaedah Unjuran Kredit Unit untuk menentukan nilai kini bagi obligasi manfaat ditentukan dan kos perkhidmatan semasa (lihat perenggan 77-79);
 - (c) Menentukan nilai saksama bagi mana-mana aset pelan (lihat perenggan 118-120);
 - (d) Menentukan jumlah amaun untung dan rugi aktuari serta amaun untung dan rugi aktuari

yang hendak diiktiraf (lihat perenggan 105-111);

- (e) Jika pelan telah diperkenalkan atau diubah, kos perkhidmatan lampau yang terhasil hendaklah ditentukan (lihat perenggan 112-117); dan
- (f) Jika pelan telah dikurangkan atau diselesaikan, menentukan untung atau rugi yang terhasil (lihat perenggan 129-135). Jika entiti mempunyai lebih daripada satu pelan manfaat, entiti hendaklah menggunakan prosedur ini untuk setiap pelan yang material secara berasingan. Contohnya, Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab ke atas perkhidmatan pendidikan dan kesihatan serta beberapa perkhidmatan lain mungkin mempunyai beberapa pelan yang berasingan untuk guru, pekerja penjagaan kesihatan, dan pekerja lain.

62. Dalam sesetengah keadaan, anggaran, purata dan cara mudah pengiraan boleh memberikan anggaran yang pasti bagi pengiraan terperinci yang ditunjukkan dalam Piawaian ini.

Perakaunan untuk Obligasi Konstruktif

63. **Entiti hendaklah mengakaunkan bukan sahaja obligasi undang-undangnya di bawah syarat rasmi bagi pelan manfaat ditentukan, tetapi juga bagi apa-apa obligasi konstruktif yang timbul daripada amalan tidak rasmi oleh entiti. Amalan tidak rasmi akan menimbulkan obligasi konstruktif apabila entiti tidak mempunyai alternatif realistik tetapi membayar manfaat pekerja. Contoh obligasi konstruktif adalah apabila perubahan dalam amalan rasmi entiti akan menyebabkan terjejasnya hubungan dengan pekerja pada tahap yang tidak dapat diterima.**
64. Syarat rasmi pelan manfaat ditentukan membenarkan entiti menamatkan obligasinya di bawah pelan tersebut. Walau bagaimanapun, biasanya sukar bagi entiti membatalkan pelan jika pekerja perlu dikekalkan. Oleh itu, dengan ketiadaan bukti bertentangan, perakaunan untuk manfaat pascapekerjaan, mengandaikan bahawa entiti yang kini menjanjikan manfaat tersebut akan terus berbuat demikian sepanjang tempoh perkhidmatan pekerja tersebut.

Penyata Kedudukan Kewangan

65. **Amaun yang diiktiraf sebagai liabiliti manfaat ditentukan ialah jumlah bersih bagi amaun yang berikut:**
- (a) **Nilai kini obligasi manfaat ditentukan pada tarikh pelaporan (lihat perenggan 77);**
 - (b) **Tambah sebarang keuntungan aktuari (tolak sebarang kerugian aktuari) yang tidak diiktiraf disebabkan pengolahan yang dinyatakan dalam perenggan 105 dan 106;**
 - (c) **Tolak apa-apa kos perkhidmatan lampau yang belum diiktiraf (lihat perenggan 112); dan**
 - (d) **Tolak nilai saksama pada tarikh pelaporan aset pelan (jika ada) yang daripadanya obligasi akan diselesaikan serta merta (lihat perenggan 118-120).**

66. Nilai kini obligasi manfaat ditentukan ialah obligasi kasar, sebelum menolak nilai saksama mana-mana aset pelan.
67. **Entiti hendaklah menentukan nilai kini obligasi manfaat ditentukan dan nilai saksama mana-mana aset pelan dengan kekerapan yang mencukupi sehingga amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan tidak jauh berbeza daripada amaun yang akan ditentukan pada tarikh pelaporan.**
68. Piawaian ini menggalakkan, tetapi tidak menghendaki, entiti menggunakan khidmat aktuari yang layak untuk mengukur semua obligasi manfaat pascapekerjaan yang material. Atas alasan yang munasabah, entiti boleh meminta aktuari yang layak untuk menjalankan penilaian terperinci terhadap obligasi sebelum tarikh pelaporan. Walau bagaimanapun, keputusan penilaian tersebut akan dikemaskinikan untuk apa-apa urusan niaga yang material dan perubahan material yang lain dalam keadaan tertentu (termasuk perubahan dalam harga pasaran dan kadar faedah) sehingga tarikh pelaporan.
69. **Amaun yang ditentukan di bawah perenggan 65 mungkin negatif (aset). Entiti hendaklah mengukur aset tersebut pada nilai yang lebih rendah daripada:**
- (a) **Amaun yang ditentukan di bawah perenggan 65; dan**
 - (b) **Jumlah bagi:**
 - (i) **Apa-apa rugi aktuari bersih dan kos perkhidmatan lampau tidak diiktiraf dan terkumpul (lihat perenggan 105, 106 dan 112); dan**
 - (ii) **Nilai kini apa-apa manfaat ekonomi yang ada dalam bentuk bayaran balik daripada pelan atau pengurangan dalam caruman masa hadapan ke dalam pelan. Nilai kini manfaat ekonomi ini hendaklah ditentukan dengan menggunakan kadar diskaun yang dinyatakan dalam perenggan 91.**
70. **Penggunaan perenggan 69 seharusnya tidak menghasilkan untung yang diiktiraf semata-mata akibat rugi aktuari atau kos perkhidmatan lampau dalam tempoh semasa, atau kerugian yang diiktiraf semata-mata akibat untung aktuari dalam tempoh semasa. Oleh itu, entiti hendaklah mengiktiraf serta merta perkara berikut di bawah perenggan 65, tertakluk kepada aset manfaat ditentukan menurut ketetapan di perenggan 69(b):**
- (a) **Nilai kerugian aktuari bersih bagi tempoh semasa dan kos perkhidmatan lampau bagi tempoh semasa diiktiraf setakat melebihi apa-apa pengurangan dalam nilai kini manfaat ekonomi yang dinyatakan dalam perenggan 69(b)(ii). Jika tiada perubahan atau kenaikan nilai kini manfaat ekonomi, kesemua rugi aktuari bersih bagi tempoh semasa dan kos perkhidmatan lampau bagi tempoh semasa hendaklah diiktiraf serta merta di bawah perenggan 65.**
 - (b) **Nilai keuntungan aktuari bersih bagi tempoh semasa selepas penolakan kos**

perkhidmatan lampau bagi tempoh semasa diiktiraf setakat melebihi apa-apa kenaikan dalam nilai kini manfaat ekonomi yang dinyatakan dalam perenggan 69(b)(ii). Jika tiada perubahan atau pengurangan dalam nilai kini manfaat ekonomi, kesemua untung aktuari bersih bagi tempoh semasa selepas penolakan kos perkhidmatan lampau bagi tempoh semasa hendaklah diiktiraf serta merta di bawah perenggan 65.

71. Perenggan 70 terpakai bagi entiti yang hanya mempunyai, pada awal atau akhir tempoh perakaunan, lebihan¹ dalam pelan manfaat ditentukan dan tidak boleh, berdasarkan syarat semasa pelan, mendapatkan semula lebihan tersebut sepenuhnya melalui bayaran balik atau pengurangan dalam caruman masa hadapan. Dalam keadaan ini, kos perkhidmatan lampau dan rugi aktuari yang timbul dalam tempoh tersebut, yang pengiktirafannya tertunda di bawah perenggan 65, akan menaikkan amaun yang dinyatakan dalam perenggan 69(b)(i). Jika kenaikan tersebut tidak dioffset dengan pengurangan yang sama dalam nilai kini manfaat ekonomi yang layak diiktiraf di bawah perenggan 69(b)(ii), akan terdapat kenaikan dalam jumlah bersih yang dinyatakan dalam perenggan 69(b) dan, oleh itu, untung diiktiraf. Perenggan 70 melarang pengiktirafan untung dalam keadaan ini. Kesan sebaliknya yang muncul bersama untung aktuari yang timbul dalam tempoh tersebut, yang pengiktirafannya tertunda di bawah perenggan 65, setakat untung aktuari tersebut mengurangkan rugi aktuari tidak diiktiraf terkumpul. Perenggan 70 melarang pengiktirafan rugi dalam keadaan ini. Untuk contoh penggunaan perenggan ini, lihat Contoh Ilustrasi, perenggan CI8-CI30.
72. Aset mungkin timbul jika pelan manfaat ditentukan telah terlebih dana, atau dalam keadaan tertentu apabila untung aktuari diiktiraf. Entiti mengiktiraf aset dalam keadaan tersebut oleh sebab:
- (a) Entiti tersebut mengawal sumber, iaitu kemampuan menggunakan lebihan untuk menjana manfaat masa hadapan;
 - (b) Kawalan tersebut adalah akibat peristiwa lampau (caruman yang dibayar oleh entiti dan perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja); dan
 - (c) Terdapat manfaat ekonomi masa hadapan untuk entiti dalam bentuk pengurangan caruman masa hadapan atau bayaran balik tunai, sama ada secara langsung kepada entiti atau tidak langsung kepada kurangan dalam pelan lain.
73. Had dalam perenggan 69(b) tidak membatalkan pengiktirafan tertanggung bagi rugi aktuari tertentu (lihat perenggan 105 dan 106) dan kos perkhidmatan lampau tertentu (lihat perenggan 112), selain yang dinyatakan dalam perenggan 70. Perenggan 141(f)(iii) menghendaki entiti mendedahkan apa-apa amaun yang tidak diiktiraf sebagai aset disebabkan had dalam perenggan 69(b).

Penyata Prestasi Kewangan

74. **Entiti hendaklah mengiktiraf jumlah bersih amaun yang berikut dalam lebihan atau kurangan, kecuali setakat Piawaian lain menghendaki atau membenarkan diambil kira**

dalam kos aset:

- (a) **Kos perkhidmatan semasa (lihat perenggan 76-104);**
- (b) **Kos faedah (lihat perenggan 95);**
- (c) **Pulangan dijangka ke atas mana-mana aset pelan (lihat perenggan 125-127) dan ke atas mana-mana hak pembayaran balik (lihat perenggan 121);**
- (d) **Untung dan rugi aktuari, seperti yang dikehendaki menurut dasar perakaunan entiti (lihat perenggan 105-109);**
- (e) **Kos perkhidmatan lampau (lihat perenggan 112);**
- (f) **Kesan ke atas apa-apa pengurangan atau penyelesaian (lihat perenggan 129 dan 130); dan**
- (g) **Kesan had dalam perenggan 69(b), kecuali ia diiktiraf dalam Penyata Perubahan dalam Aset Bersih/Ekuiti menurut perenggan 108.**

75. Piawaian lain menghendaki kos manfaat pekerja yang tertentu diambil kira dalam kos aset, seperti inventori atau hartanah, loji dan peralatan (lihat MPSAS 12 dan MPSAS 17). Apa-apa kos manfaat pascapekerjaan yang dimasukkan ke dalam kos aset tersebut termasuk perkadaran yang sesuai bagi komponen yang disenaraikan dalam perenggan 74.

Pengiktirafan dan Pengukuran – Nilai kini bagi Obligasi Manfaat Ditetapkan dan Kos Perkhidmatan Semasa

76. Kos muktamad bagi pelan manfaat ditetapkan boleh dipengaruhi oleh banyak pemboleh ubah, seperti gaji terakhir, pusing ganti dan jangka hayat pekerja, trend kos perubatan, dan untuk pelan dengan dana, perolehan pelaburan ke atas aset pelan. Kos muktamad pelan tidak pasti dan ketidakpastian ini mungkin berterusan dalam tempoh yang panjang. Untuk mengukur nilai kini bagi obligasi manfaat pascapekerjaan dan kos perkhidmatan semasa yang berkaitan, adalah perlu:
- (a) Menggunakan kaedah penilaian aktuari (lihat perenggan 77-79);
 - (b) Memperuntukkan manfaat untuk tempoh perkhidmatan (lihat perenggan 80-84); dan
 - (c) Membuat andaian aktuari (lihat perenggan 85-104).

Kaedah Penilaian Aktuari

77. **Entiti hendaklah menggunakan Kaedah Unjuran Kredit Unit untuk menentukan nilai kini obligasi manfaat ditetapkan dan kos perkhidmatan semasa yang berkaitan, dan jika berkenaan, kos perkhidmatan lampau.**

78. Kaedah Unjuran Kredit Unit (kadangkala dikenali sebagai kaedah manfaat terakru yang diproratakan ke atas perkhidmatan atau sebagai kaedah manfaat/tahun perkhidmatan) mengandaikan setiap tempoh perkhidmatan akan mewujudkan unit tambahan bagi kelayakan manfaat (lihat perenggan 80-84), dan mengukur setiap unit secara berasingan untuk membentuk obligasi akhir (lihat perenggan 85-104).
79. Entiti mendiskaunkan kesemua obligasi manfaat pascapekerjaan, walaupun jika sebahagian obligasi tersebut perlu dibayar dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh pelaporan.

Memperuntukkan Manfaat untuk Tempoh Perkhidmatan

80. **Dalam memastikan nilai kini bagi obligasi manfaat ditentukan dan kos perkhidmatan semasa yang berkaitan, dan jika berkenaan, kos perkhidmatan lampau, entiti hendaklah memperuntukkan manfaat untuk tempoh perkhidmatan di bawah formula manfaat pelan. Walau bagaimanapun, jika perkhidmatan pekerja dalam tahun akan datang menyebabkan tahap manfaat yang jauh lebih tinggi dari tahun sebelumnya, entiti hendaklah memperuntukkan manfaat mengikut asas garis lurus dari:**
- (a) **Tarikh apabila perkhidmatan oleh pekerja mula-mula membawa kepada wujudnya manfaat di bawah pelan (sama ada manfaat adalah bersyarat ke atas perkhidmatan selanjutnya); hingga**
 - (b) **Tarikh apabila perkhidmatan selanjutnya oleh pekerja tidak membawa kepada amaun yang material dalam manfaat selanjutnya di bawah pelan, selain kenaikan gaji selanjutnya.**
81. Kaedah Unjuran Kredit Unit menghendaki entiti memperuntukkan manfaat untuk tempoh semasa (bagi menentukan kos perkhidmatan semasa) serta tempoh semasa dan terdahulu (bagi menentukan nilai kini obligasi manfaat ditentukan). Entiti memperuntukkan manfaat untuk tempoh apabila timbulnya obligasi untuk menyediakan manfaat pascapekerjaan. Obligasi tersebut timbul apabila pekerja memberikan perkhidmatan dengan mendapat ganjaran manfaat pascapekerjaan yang dijangka dibayar oleh entiti pada tempoh pelaporan masa hadapan. Teknik aktuari membolehkan entiti mengukur obligasi dengan kebolehpercayaan yang mencukupi untuk menjustifikasikan pengiktirafan liabiliti.
82. Perkhidmatan pekerja menimbulkan obligasi di bawah pelan manfaat ditentukan walaupun manfaat adalah bersyarat ke atas pekerjaan masa hadapan (dengan perkataan lain, tidak terletak hak). Perkhidmatan pekerja sebelum tarikh letak hak menimbulkan obligasi konstruktif kerana, pada setiap tarikh pelaporan berturutan, amaun perkhidmatan masa hadapan yang perlu diberikan oleh pekerja berkurangan sebelum layak menerima manfaat. Dalam mengukur obligasi manfaat ditentukan, entiti mempertimbangkan kemungkinan sesetengah pekerja mungkin tidak memenuhi apa-apa keperluan letak hak. Begitu juga, walaupun sesetengah manfaat pascapekerjaan, contohnya, manfaat perubatan pascapekerjaan akan dibayar hanya jika berlaku peristiwa tertentu apabila pekerja tidak lagi bekerja, obligasi diwujudkan apabila pekerja memberikan perkhidmatan yang menyediakan kelayakan terhadap manfaat jika peristiwa tertentu berlaku. Kemungkinan

peristiwa tertentu berlaku akan mempengaruhi pengukuran obligasi, tetapi tidak menentukan sama ada obligasi wujud atau tidak.

83. Obligasi terus meningkat sehingga tarikh perkhidmatan selanjutnya oleh pekerja membawa kepada amaun yang tidak material dalam manfaat selanjutnya. Oleh itu, semua manfaat akan diperuntukkan untuk tempoh yang tamat pada atau sebelum tarikh tersebut. Manfaat diperuntukkan untuk tempoh perakaunan individu di bawah formula pelan manfaat. Walau bagaimanapun, jika perkhidmatan pekerja pada tahun-tahun berikutnya akan membawa kepada tahap manfaat jauh lebih tinggi berbanding tahun-tahun terdahulu, entiti hendaklah memperuntukkan manfaat mengikut asas garis lurus sehingga tarikh perkhidmatan selanjutnya oleh pekerja membawa kepada amaun yang tidak material dalam manfaat selanjutnya. Ini adalah kerana perkhidmatan pekerja sepanjang tempoh keseluruhan akan akhirnya membawa kepada manfaat ke tahap yang lebih tinggi.
84. Jika amaun manfaat berkadar secara malar dengan gaji terakhir bagi setiap tahun perkhidmatan, kenaikan gaji masa hadapan akan mempengaruhi amaun yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi yang wujud untuk perkhidmatan sebelum tarikh pelaporan, tetapi tidak mewujudkan obligasi tambahan. Oleh itu:
- (a) Untuk tujuan perenggan 80(b), kenaikan gaji tidak membawa kepada manfaat selanjutnya, walaupun amaun manfaat tersebut bergantung kepada gaji terakhir; dan
 - (b) Amaun manfaat yang diperuntukkan mengikut setiap tempoh adalah berkadar secara malar dengan gaji yang dikaitkan dengan manfaat tersebut.

Andaian Aktuari

85. **Andaian aktuari hendaklah saksama dan bersesuaian.**
86. Andaian aktuari ialah anggaran terbaik bagi pemboleh ubah entiti yang akan menentukan kos akhir penyediaan manfaat pascapekerjaan. Andaian aktuari terdiri daripada:
- (a) Andaian demografik tentang ciri masa hadapan pekerja semasa dan bekas pekerja (dan tanggungan mereka) yang layak menerima manfaat. Andaian demografi meliputi perkara seperti:
 - (i) Kematian, dalam tempoh perkhidmatan dan selepas tempoh perkhidmatan;
 - (ii) Kadar pusing ganti pekerja, hilang upaya dan persaraan awal;
 - (iii) Perkadaran ahli pelan dengan tanggungan yang layak mendapat manfaat; dan
 - (iv) Kadar tuntutan di bawah pelan perubatan.
 - (b) Andaian kewangan, meliputi butiran seperti:

- (i) Kadar diskaun (lihat perenggan 91-95);
 - (ii) Gaji dan tahap manfaat masa hadapan (lihat perenggan 96-100);
 - (iv) Bagi manfaat perubatan, kos perubatan masa hadapan, termasuk, jika berkaitan, kos bagi menguruskan bayaran tuntutan dan manfaat (lihat perenggan 101-104);
 - (v) Kadar pulangan dijangka ke atas aset pelan (lihat perenggan 125-127).
87. Andaian aktuari adalah saksama jika ia berhemat dan tidak terlalu konservatif.
88. Andaian aktuari adalah bersesuaian jika andaian tersebut menggambarkan hubungan ekonomi antara faktor seperti inflasi, kadar kenaikan gaji, pulangan ke atas aset pelan, dan kadar diskaun. Contohnya, semua andaian yang bergantung pada tahap inflasi tertentu (seperti andaian tentang kadar faedah serta kenaikan gaji dan manfaat) dalam mana-mana tempoh masa hadapan yang ditetapkan mengandaikan tahap inflasi yang sama dalam tempoh tersebut.
89. Entiti menentukan andaian kadar diskaun dan andaian kewangan yang lain dalam tempoh nominal (dinyatakan), kecuali andaian dalam tempoh sebenar (inflasi terlaras) lebih pasti, contohnya, dalam ekonomi hiperinflasi (lihat MPSAS 10, *Pelaporan Kewangan dalam Ekonomi Hiperinflasi*), atau apabila manfaat adalah berkaitan indeks, dan terdapat pasaran dengan volum tinggi dalam bon berkaitan indeks bagi mata wang dan tempoh yang sama.
90. **Andaian kewangan hendaklah berasaskan kepada jangkaan pasaran, pada tarikh pelaporan, bagi tempoh obligasi diselesaikan.**

Andaian Aktuari – Kadar Diskaun

91. **Kadar yang digunakan untuk mendiskaunkan obligasi manfaat pascapekerjaan (dengan dana dan tanpa dana) hendaklah menggambarkan nilai masa wang. Mata wang dan tempoh instrumen kewangan yang dipilih untuk menggambarkan nilai masa wang hendaklah konsisten dengan mata wang dan tempoh anggaran bagi obligasi manfaat pascapekerjaan.**
92. Salah satu andaian aktuari yang memberikan kesan material adalah kadar diskaun. Kadar diskaun menggambarkan nilai masa wang tetapi bukan risiko aktuari atau risiko pelaburan. Selain itu, kadar diskaun juga tidak menggambarkan risiko kredit khusus entiti yang ditanggung oleh pemiutang entiti, begitu juga risiko bahawa situasi masa hadapan mungkin berbeza dengan andaian aktuari.
93. Kadar diskaun menggambarkan anggaran masa bagi pembayaran manfaat. Secara praktikal, entiti biasanya mencapai kadar ini dengan menggunakan kadar diskaun purata berwajaran tunggal yang menggambarkan anggaran masa dan amaun bayaran manfaat serta mata wang yang digunakan untuk membayar manfaat.
94. Entiti akan membuat pertimbangan sama ada kadar diskaun yang menggambarkan nilai masa

wang dianggarkan sebaik mungkin dengan merujuk hasil pasaran pada tarikh pelaporan bagi bon kerajaan, bon korporat berkualiti tinggi, atau melalui instrumen kewangan lain. Dalam bidang kuasa tertentu, hasil pasaran pada tarikh pelaporan bagi bon kerajaan akan menyediakan anggaran terbaik bagi nilai masa wang. Walau bagaimanapun, terdapat juga bidang kuasa yang tidak sama keadaannya, contohnya, bidang kuasa yang tidak mempunyai pasaran dengan volum tinggi dalam bon kerajaan, atau apabila hasil pasaran pada tarikh pelaporan bagi bon kerajaan tidak menggambarkan nilai masa wang. Dalam keadaan tersebut, entiti pelaporan hendaklah menentukan kadar melalui kaedah lain, seperti dengan merujuk hasil pasaran bagi bon korporat kualiti tinggi. Terdapat juga keadaan apabila tiada pasaran dengan volum tinggi dalam bon kerajaan atau bon korporat berkualiti tinggi yang cukup matang untuk dipadankan dengan kematangan dijangka bagi semua bayaran manfaat. Dalam keadaan tersebut, entiti hendaklah menggunakan kadar pasaran semasa bagi tempoh yang sesuai untuk mendiskaunkan bayaran bagi tempoh lebih pendek, dan menganggarkan kadar diskaun untuk tempoh matang yang lebih panjang dengan mengekstrapolasi kadar pasaran semasa sepanjang keluk hasil. Jumlah nilai kini bagi obligasi manfaat ditentukan tidak mungkin sensitif terhadap kadar diskaun yang digunakan ke atas bahagian manfaat yang dibayar melebihi tempoh matang instrumen kewangan yang ada, seperti bon kerajaan atau bon korporat.

95. Kos faedah dikira dengan mendarab kadar diskaun seperti yang ditentukan pada awal tempoh dengan nilai kini obligasi manfaat ditentukan sepanjang tempoh tersebut, dengan mengambil kira apa-apa perubahan material dalam obligasi. Nilai kini obligasi akan berbeza daripada liabiliti yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan, (a) oleh sebab liabiliti tersebut diiktiraf selepas menolak nilai saksama mana-mana aset pelan, dan (b) oleh sebab untung dan rugi aktuari serta kos perkhidmatan lampau tertentu, tidak diiktiraf secara langsung. Contoh Ilustratif, perenggan CII-CI6, antara lain menunjukkan pengiraan kos faedah.

Andaian Aktuari – Gaji, Manfaat dan Kos Perubatan

96. **Obligasi manfaat pascapekerjaan hendaklah diukur pada asas yang menggambarkan:**
- (a) **Anggaran kenaikan gaji masa hadapan;**
 - (b) **Manfaat yang dinyatakan dalam syarat pelan (atau yang terhasil daripada apa-apa obligasi konstruktif yang di luar syarat rasmi) pada tarikh pelaporan; dan**
 - (c) **Anggaran perubahan masa hadapan bagi mana-mana manfaat dinyatakan yang mempengaruhi manfaat dibayar di bawah pelan manfaat ditentukan, hanya jika:**
 - (i) **Perubahan tersebut telah diluluskan sebelum tarikh pelaporan; atau**
 - (ii) **Sejarah lampau, atau bukti sahih lain, yang menunjukkan manfaat tersebut akan berubah dalam keadaan yang boleh diandaikan, contohnya, selaras dengan perubahan tahap harga atau gaji umum pada masa hadapan.**
97. Anggaran kenaikan gaji masa hadapan mengambil kira inflasi, kekananan, kenaikan pangkat, dan

faktor lain yang relevan, seperti penawaran dan permintaan dalam pasaran pekerjaan.

98. Jika syarat rasmi pelan (atau obligasi konstruktif yang di luar syarat rasmi) menghendaki entiti mengubah manfaat pada masa hadapan, pengukuran obligasi hendaklah menggambarkan perubahan tersebut. Contohnya, keadaan ini berlaku apabila:
- (a) Entiti mempunyai sejarah lampau dalam kenaikan manfaat, contohnya, untuk mengurangkan kesan inflasi, dan tiada petunjuk yang amalan ini akan berubah pada masa hadapan; atau
 - (b) Untung aktuari telah diiktiraf dalam penyata kewangan, dan entiti dipertanggungjawabkan, melalui syarat rasmi pelan (atau obligasi konstruktif yang di luar syarat rasmi) atau undang-undang, untuk menggunakan apa-apa lebihan dalam pelan demi manfaat peserta pelan (lihat perenggan 114(c)).
99. Andaian aktuari tidak menggambarkan perubahan manfaat masa hadapan yang tidak dinyatakan dalam syarat rasmi pelan (atau obligasi konstruktif) pada tarikh pelaporan. Perubahan tersebut akan menghasilkan:
- (a) Kos perkhidmatan lampau, sehingga mengubah manfaat untuk perkhidmatan sebelum perubahan tersebut; dan
 - (b) Kos perkhidmatan semasa untuk tempoh selepas perubahan, sehingga mengubah manfaat untuk perkhidmatan selepas perubahan tersebut.
100. Seseengah manfaat pascapekerjaan dikaitkan dengan pemboleh ubah, seperti tahap kelayakan manfaat daripada pencen keselamatan sosial atau rawatan perubatan yang dinyatakan. Pengukuran manfaat tersebut menggambarkan perubahan dijangka bagi pemboleh ubah tersebut, berdasarkan sejarah lampau dan bukti sahah lain.
101. **Andaian tentang kos perubatan hendaklah mengambil kira anggaran perubahan masa hadapan dalam kos perkhidmatan perubatan, akibat inflasi dan perubahan spesifik dalam kos perubatan.**
102. Pengukuran manfaat perubatan pascapekerjaan menghendaki andaian tentang tahap dan kekerapan tuntutan pada masa hadapan dan kos bagi memenuhi tuntutan tersebut. Entiti menganggarkan kos perubatan masa hadapan berasaskan data sejarah berkaitan pengalaman entiti tersebut, dan sekiranya perlu, disokong oleh data sejarah daripada entiti lain, syarikat insurans, penyedia perkhidmatan perubatan atau sumber lain. Anggaran kos perubatan masa hadapan mengambil kira kesan daripada kemajuan teknologi, perubahan dalam penggunaan penjagaan kesihatan atau bentuk penyampaian, dan perubahan status kesihatan peserta pelan.
103. Tahap dan kekerapan tuntutan sensitif terutamanya kepada umur, status kesihatan dan jantina pekerja (dan tanggungan mereka), dan mungkin sensitif kepada faktor lain seperti lokasi geografi. Oleh itu, data sejarah disesuaikan ke tahap kepelbagaian demografi populasi berbeza daripada

populasi yang digunakan sebagai asas untuk data sejarah. Ia juga disesuaikan apabila terdapat bukti sahih bahawa trend sejarah tidak akan berterusan.

104. Sesetengah pelan penjagaan kesihatan pascapekerjaan menghendaki pekerja mencarum kos perubatan yang dilindungi oleh pelan tersebut. Anggaran kos perubatan masa hadapan mengambil kira apa-apa caruman tersebut, berasaskan syarat pelan pada tarikh pelaporan (atau berasaskan apa-apa obligasi konstruktif yang di luar syarat tersebut). Perubahan caruman pekerja menghasilkan kos perkhidmatan lampau, atau jika berkenaan, pengurangan. Kos bagi memenuhi tuntutan mungkin dikurangkan melalui manfaat yang dinyatakan atau penyedia perkhidmatan perubatan lain (lihat perenggan 96(c) dan 100).

Untung dan Rugi Aktuari

105. **Untuk mengukur liabiliti manfaat ditentukan menurut perenggan 65, entiti hendaklah, tertakluk kepada perenggan 70, mengiktiraf sebahagian (seperti yang dinyatakan dalam perenggan 106) daripada untung dan rugi aktuari sebagai hasil atau perbelanjaan jika kumulatif bersih untung dan rugi aktuari tidak diiktiraf pada akhir tempoh pelaporan terdahulu melebihi yang lebih besar daripada:**

- (a) **10% daripada nilai kini obligasi manfaat ditentukan pada tarikh tersebut (sebelum menolak aset pelan); dan**
- (b) **10% daripada nilai saksama bagi mana-mana aset pelan pada tarikh tersebut.**

Had ini hendaklah dikira dan digunakan secara berasingan bagi setiap pelan manfaat ditentukan.

106. **Bahagian untung dan rugi aktuari yang hendak diiktiraf bagi setiap pelan manfaat ditentukan ialah lebihan yang ditentukan menurut perenggan 105, dibahagikan dengan jangkaan purata baki tempoh perkhidmatan bagi pekerja yang menyertai pelan tersebut. Walau bagaimanapun, entiti boleh menggunakan apa-apa kaedah sistematik yang cepat dalam mengiktiraf untung dan rugi aktuari, dengan syarat asas yang sama digunakan pada untung dan rugi, dan asas tersebut digunakan secara konsisten dari tempoh ke tempoh. Entiti boleh menggunakan kaedah sistematik tersebut ke atas untung dan rugi aktuari walaupun ia berada dalam had yang dinyatakan dalam perenggan 105.**

107. **Jika, seperti dibenarkan oleh perenggan 106, entiti menggunakan dasar yang mengiktiraf untung dan rugi aktuari dalam tempoh perkara tersebut berlaku, entiti boleh mengiktirafnya sebagai butiran yang berasingan dalam aset bersih/ekuiti, menurut perenggan 108 dan 109, dengan syarat kaedah ini juga digunakan untuk:**

- (a) **Semua pelan manfaat ditentukannya; dan**
- (b) **Semua untung dan rugi aktuarinya.**

108. Untung dan rugi aktuari diiktiraf secara langsung dalam aset bersih/ekuiti seperti yang dibenarkan oleh perenggan 107 hendaklah dibentangkan dalam penyata perubahan aset bersih/ekuiti menurut perenggan 118(b) MPSAS 1.
109. Entiti yang mengiktiraf untung dan rugi aktuari menurut perenggan 107, hendaklah juga mengiktiraf apa-apa pelarasan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 69(b) di luar lebihan atau kurangan dalam penyata perubahan aset bersih/ekuiti, menurut perenggan 118(b) MPSAS 1. Untung dan rugi aktuari serta pelarasan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 69(b) yang telah diiktiraf secara langsung dalam penyata perubahan aset bersih/ekuiti hendaklah diiktiraf serta merta dalam lebihan atau kurangan terkumpul. Keseluruhan transaksi tersebut tidak boleh diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh berikutnya.
110. Untung dan rugi aktuari mungkin terhasil akibat kenaikan atau pengurangan nilai kini bagi obligasi manfaat ditentukan atau nilai saksama apa-apa aset pelan yang berkaitan. Perkara yang menyebabkan untung dan rugi aktuari termasuk, contohnya:
- (a) Kadar tinggi atau rendah pusingan ganti pekerja yang tidak terjangka, persaraan awal atau kematian, atau kenaikan gaji, manfaat (jika syarat rasmi atau konstruktif pelan menyediakan kenaikan manfaat inflasi), atau kos perubatan;
 - (b) Kesan perubahan dalam anggaran pusing ganti pekerja pada masa hadapan, persaraan awal, atau kematian, atau kenaikan gaji, manfaat (jika syarat rasmi atau konstruktif pelan menyediakan kenaikan manfaat inflasi), atau kos perubatan;
 - (c) Kesan perubahan kadar diskaun; dan
 - (d) Perbezaan antara pulangan sebenar ke atas aset pelan dengan pulangan dijangka ke atas aset pelan (lihat perenggan 125-127).
111. Dalam tempoh jangka panjang, untung dan rugi aktuari boleh dioffset antara satu dengan lain. Oleh itu, anggaran obligasi manfaat pascapekerjaan boleh dilihat sebagai julat (atau koridor) dalam lingkungan anggaran terbaik. Entiti dibenarkan, tetapi tidak dikehendaki, mengiktiraf untung dan rugi aktuari yang termasuk dalam julat tersebut. Piawaian ini menghendaki entiti mengiktiraf, sekurang-kurangnya, bahagian tertentu untung dan rugi aktuari yang berada di luar koridor $\pm 10\%$. Contoh Ilustratif, perenggan CI1-CI6, antara lain menggambarkan olahan perakaunan untung dan rugi aktuari. Piawaian ini juga membenarkan kaedah sistematik untuk pengiktirafan yang cepat, dengan syarat kaedah tersebut memenuhi syarat yang dinyatakan dalam perenggan 106. Kaedah yang dibenarkan tersebut termasuk, contohnya, pengiktirafan serta merta semua untung dan rugi aktuari, dalam dan luar koridor.

Kos Perkhidmatan Lampau

112. **Untuk mengukur liabiliti manfaat ditentukan di bawah perenggan 65, entiti hendaklah, tertakluk kepada perenggan 70, mengiktiraf kos perkhidmatan lampau sebagai perbelanjaan menggunakan asas garis lurus sepanjang tempoh purata sehingga manfaat**

terletak hak. Setakat manfaat tersebut telah terletak hak sebaik sahaja selepas permulaan atau perubahan pada pelan manfaat ditentukan, entiti hendaklah serta merta mengiktiraf kos perkhidmatan lampau.

113. Kos perkhidmatan lampau timbul apabila entiti memperkenalkan pelan manfaat ditentukan yang memperuntukkan manfaat untuk perkhidmatan lampau atau mengubah bayaran manfaat untuk perkhidmatan lampau di bawah pelan manfaat ditentukan sedia ada. Perubahan tersebut adalah sebagai ganjaran kepada perkhidmatan pekerja sepanjang tempoh berkenaan sehingga manfaat yang berkaitan terletak hak. Oleh itu, entiti mengiktiraf kos perkhidmatan lampau sepanjang tempoh tersebut, tanpa mengambil kira bahawa kos tersebut merujuk perkhidmatan pekerja dalam tempoh terdahulu. Entiti mengukur kos perkhidmatan lampau sebagai perubahan liabiliti akibat pindaan (lihat perenggan 77). Kos perkhidmatan lampau negatif wujud apabila entiti mengubah manfaat yang diperuntukkan kepada perkhidmatan lampau supaya nilai kini obligasi manfaat ditentukan berkurang.
114. Kos perkhidmatan lampau tidak termasuk:
- (a) Kesan perbezaan antara kenaikan gaji sebenar dengan kenaikan gaji yang diandaikan sebelum ini ke atas obligasi untuk membayar manfaat bagi perkhidmatan dalam tahun terdahulu (tiada kos perkhidmatan lampau oleh sebab andaian aktuari membenarkan unjuran gaji);
 - (b) Anggaran terkurang atau terlebih bagi kenaikan pencen budi bicara apabila entiti mempunyai obligasi konstruktif untuk memberikan kenaikan tersebut (tiada kos perkhidmatan lampau oleh sebab andaian aktuari membenarkan kenaikan tersebut);
 - (c) Anggaran bagi penambahbaikan manfaat yang terhasil daripada untung aktuari yang telah diiktiraf dalam penyata kewangan jika entiti dipertanggungjawabkan, sama ada melalui syarat rasmi pelan (atau obligasi konstruktif yang di luar syarat tersebut) atau undang-undang, bagi menggunakan apa-apa lebihan dalam pelan untuk manfaat peserta pelan, walaupun jika kenaikan manfaat belum diberikan secara rasmi (kenaikan obligasi yang terhasil ialah rugi aktuari dan bukan kos perkhidmatan lampau, lihat perenggan 98(b));
 - (d) Kenaikan dalam manfaat terletak hak apabila, tiada manfaat baharu atau yang ditambah baik, pekerja memenuhi keperluan letak hak yang lengkap (tiada kos perkhidmatan lampau oleh sebab entiti mengiktiraf kos manfaat dianggarkan sebagai kos perkhidmatan semasa apabila perkhidmatan telah diberikan); dan
 - (e) Kesan daripada pindaan pelan yang mengurangkan manfaat untuk perkhidmatan masa hadapan (pengurangan).
115. Entiti telah menyediakan jadual pelunasan untuk kos perkhidmatan lampau apabila manfaat diperkenalkan atau diubah. Adalah tidak praktikal menyimpan rekod terperinci yang diperlukan untuk mengenal pasti dan melaksanakan perubahan berikutnya dalam jadual pelunasan. Selain itu, kesannya material hanya apabila terdapat pengurangan atau penyelesaian. Oleh itu, entiti

hendaklah meminda jadual pelunasan untuk kos perkhidmatan lampau hanya jika terdapat pengurangan atau penyelesaian.

116. Jika entiti mengurangkan manfaat yang dibayar di bawah pelan manfaat ditentukan sedia ada, kesan pengurangan yang terhasil dalam liabiliti manfaat ditentukan diiktiraf sebagai kos perkhidmatan lampau (negatif) sepanjang tempoh purata sehingga bahagian manfaat terkurang tersebut terletak hak.
117. Jika entiti mengurangkan manfaat tertentu yang dibayar di bawah pelan manfaat ditentukan sedia ada dan, pada masa yang sama, meningkatkan bayaran manfaat lain di bawah pelan untuk pekerja yang sama, entiti hendaklah menganggap perubahan ini sebagai perubahan bersih tunggal.

Pengiktirafan dan Pengukuran – Aset Pelan

Nilai Saksama Aset Pelan

118. Nilai saksama bagi mana-mana aset pelan ditolak untuk menentukan amaun diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan di bawah perenggan 65. Apabila harga pasaran tidak ada, nilai saksama aset pelan dianggarkan, contohnya, dengan mendiskaun aliran tunai masa hadapan dijangka dengan menggunakan kadar diskaun yang menggambarkan risiko yang dikaitkan dengan aset pelan dan kematangan atau tarikh pelupusan dijangka bagi aset tersebut (atau, jika tiada tempoh matang, tempoh dijangka sehingga penyelesaian obligasi berkaitan).
119. Aset pelan tidak termasuk caruman belum bayar yang perlu dibayar oleh entiti pelaporan kepada dana, dan apa-apa instrumen kewangan tidak boleh pindah yang dikeluarkan oleh entiti dan dipegang oleh dana. Aset pelan dikurangkan melalui mana-mana liabiliti yang timbul daripada dana yang tidak berkait dengan manfaat pekerja, contohnya, perdagangan dan apa-apa belum bayar dan liabiliti lain yang terhasil daripada instrumen kewangan terbitan.
120. Jika aset pelan merangkumi polisi insurans layak yang benar-benar sepadan dengan amaun dan masa bagi sebahagian atau semua manfaat yang belum dibayar di bawah pelan, nilai saksama polisi insurans tersebut dianggap sebagai nilai kini obligasi yang berkaitan, seperti yang diterangkan dalam perenggan 65 (tertakluk kepada apa-apa pengurangan yang dikehendaki jika amaun belum terima di bawah polisi insurans yang tidak diperoleh semula sepenuhnya).

Pembayaran balik

121. **Hanya apabila benar-benar pasti bahawa pihak yang satu lagi akan membayar balik sebahagian atau semua perbelanjaan yang dikehendaki untuk menyelesaikan obligasi manfaat ditentukan, entiti hendaklah mengiktiraf haknya untuk pembayaran balik sebagai aset secara berasingan. Entiti hendaklah mengukur asetnya pada nilai saksama. Dalam semua urusan lain, entiti hendaklah menguruskan aset dengan cara yang sama sebagaimana untuk aset pelan. Dalam penyata prestasi kewangan, perbelanjaan yang berkaitan dengan pelan manfaat ditentukan boleh dilaporkan sebagai amaun diiktiraf bersih untuk pembayaran balik.**

122. Kadang-kadang, entiti boleh bergantung pada pihak lain, seperti penginsurans, untuk membayar sebahagian atau semua perbelanjaan yang dikehendaki untuk menyelesaikan obligasi manfaat ditentukan. Polisi insurans layak, seperti yang ditakrifkan dalam perenggan 10, ialah aset pelan. Entiti mengakaunkan polisi insurans layak dengan cara yang sama untuk semua aset pelan lain, dan perenggan 121 tidak terpakai (lihat perenggan 50-53 dan 120).
123. Apabila polisi insurans bukan polisi insurans layak, polisi insurans tersebut bukan merupakan aset pelan. Perenggan 121 membincangkan perkara tersebut; entiti mengiktiraf haknya untuk pembayaran balik di bawah polisi insurans sebagai aset berasingan, dan bukan sebagai penolakan dalam menentukan liabiliti manfaat ditentukan yang diiktiraf di bawah perenggan 65; dalam semua urusan lain, entiti hendaklah menguruskan aset dengan cara yang sama seperti aset pelan. Secara khusus, liabiliti manfaat ditentukan yang diiktiraf di bawah perenggan 65 meningkat (berkurang) setakat untung (rugi) aktuari terkumpul bersih ke atas obligasi manfaat ditentukan dan ke atas hak pembayaran balik berkaitan masih belum diiktiraf di bawah perenggan 105 dan 106. Perenggan 141(f)(iv) menghendaki entiti mendedahkan deskripsi ringkas hubung kait di antara hak pembayaran balik dengan obligasi yang berkaitan.
124. Jika hak pembayaran balik timbul di bawah polisi insurans atau perjanjian sah yang amat sepadan dengan amaun dan masa bagi sebahagian atau semua manfaat yang belum dibayar di bawah pelan manfaat ditentukan, maka nilai saksama hak pembayaran balik dianggap sebagai nilai kini bagi obligasi yang berkaitan, seperti yang diterangkan dalam perenggan 65 (tertakluk kepada apa-apa pengurangan yang dikehendaki jika pembayaran balik tidak didapatkan semula sepenuhnya).

Pulangan ke atas Aset Pelan

125. Pulangan dijangka ke atas aset pelan ialah satu komponen perbelanjaan yang diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan. Perbezaan antara pulangan dijangka ke atas aset pelan dengan pulangan sebenar ke atas aset pelan ialah untung atau rugi aktuari; termasuk untung dan rugi aktuari ke atas obligasi manfaat ditentukan untuk menentukan amaun bersih berbanding dengan had koridor 10% yang dinyatakan dalam perenggan 105.
126. Pulangan dijangka ke atas aset pelan adalah berdasarkan jangkaan pasaran, pada awal tempoh, untuk pulangan sepanjang hayat bagi obligasi berkaitan. Pulangan dijangka ke atas aset pelan menggambarkan perubahan dalam nilai saksama aset pelan yang dipegang dalam tempoh tersebut kesan daripada caruman sebenar yang dibayar ke dalam dana dan manfaat sebenar yang dibayar daripada dana.
127. Dalam menentukan pulangan dijangka dan pulangan sebenar ke atas aset pelan, entiti hendaklah menolak kos pentadbiran dijangka, selain daripada kos yang dimasukkan ke dalam andaian aktuari yang digunakan untuk mengukur obligasi.

Gabungan Entiti

128. Untuk menentukan aset dan liabiliti yang hendak diiktiraf yang berkaitan dengan manfaat pascapekerjaan dalam gabungan entiti, entiti hendaklah mempertimbangkan piawaian perakaunan

antarabangsa atau nasional berhubung kait gabungan entiti.

Pengurangan dan Penyelesaian

129. **Entiti hendaklah mengiktiraf untung atau rugi ke atas pengurangan atau penyelesaian bagi pelan manfaat ditentukan apabila berlaku pengurangan atau penyelesaian. Untung atau rugi ke atas pengurangan atau penyelesaian terdiri daripada:**

- (a) **Apa-apa perubahan yang terhasil dalam nilai kini obligasi manfaat ditentukan;**
- (b) **Apa-apa perubahan yang terhasil dalam nilai saksama aset pelan; dan**
- (c) **Apa-apa untung dan rugi aktuari serta kos perkhidmatan lampau yang, di bawah perenggan 105 dan 112, masih belum diiktiraf sebelum ini.**

130. **Sebelum menentukan kesan pengurangan atau penyelesaian, entiti hendaklah mengukur semula obligasi (dan aset pelan yang berkaitan, jika ada) dengan menggunakan andaian aktuari semasa (termasuk kadar faedah pasaran semasa dan harga pasaran semasa yang lain).**

131. Pengurangan berlaku apabila entiti:

- (a) Terbukti komited untuk membuat pengurangan yang besar dalam bilangan pekerja yang dilindungi oleh pelan; atau
- (b) Meminda syarat pelan manfaat ditentukan supaya elemen material dalam perkhidmatan masa hadapan oleh pekerja sedia ada tidak lagi melayakkan pekerja mendapat manfaat, atau hanya layak mendapatkan manfaat terkurang.

Pengurangan mungkin timbul daripada peristiwa terpencil, seperti penutupan loji, penghentian operasi atau penamatan atau penggantungan pelan, atau pengurangan apabila kenaikan gaji masa hadapan dikaitkan dengan manfaat yang dibayar untuk perkhidmatan lampau. Pengurangan sering dikaitkan dengan penstrukturan semula. Apabila ini berlaku, entiti mengakaunkan pengurangan pada masa yang sama dengan penstrukturan semula tersebut.

131A. Apabila pindaan pelan mengurangkan manfaat, hanya kesan pengurangan untuk perkhidmatan masa hadapan dianggap sebagai pengurangan. Kesan bagi apa-apa pengurangan untuk perkhidmatan lampau dianggap sebagai kos perkhidmatan lampau negatif.

132. Penyelesaian berlaku apabila entiti terlibat dalam urusan niaga yang menghapuskan semua obligasi undang-undang selanjutnya atau obligasi konstruktif untuk sebahagian atau semua manfaat tersedia di bawah pelan manfaat ditentukan, contohnya, apabila bayaran tunai sekaligus dibuat kepada, atau bagi pihak, peserta pelan sebagai pertukaran dengan hak mereka untuk menerima manfaat pascapekerjaan yang ditentukan.

133. Dalam sesetengah keadaan, entiti memperoleh polisi insurans untuk membiayai sebahagian atau semua manfaat pekerja berkait dengan perkhidmatan pekerja dalam tempoh semasa dan terdahulu. Pemerolehan polisi tersebut bukanlah penyelesaian jika entiti mengekalkan obligasi undang-undang atau konstruktif (lihat perenggan 50) untuk membayar amaun selanjutnya jika penginsurans tidak membayar manfaat pekerja yang dinyatakan dalam polisi insurans. Perenggan 121-124 membincangkan pengiktirafan dan pengukuran hak pembayaran balik di bawah polisi insurans yang bukan aset pelan.
134. Penyelesaian wujud bersama dengan pengurangan jika pelan ditamatkan sehingga obligasi diselesaikan dan pelan dihentikan. Walau bagaimanapun, penamatan pelan bukan pengurangan atau penyelesaian jika pelan tersebut digantikan dengan pelan baharu yang menawarkan manfaat yang sama.
135. Jika pengurangan hanya dikaitkan dengan beberapa pekerja yang dilindungi oleh pelan, atau sebahagian obligasi yang diselesaikan, untung atau rugi termasuk bahagian mengikut kadar yang tidak diiktiraf bagi kos perkhidmatan lampau serta untung dan rugi aktuari terdahulu. Bahagian mengikut kadar ditentukan berasaskan nilai kini obligasi sebelum dan selepas pengurangan atau penyelesaian, melainkan terdapat asas lain yang lebih rasional dalam keadaan tersebut. Contohnya, berkemungkinan sesuai menggunakan apa-apa untung ke atas pengurangan atau penyelesaian pelan yang sama dengan tidak mengambil kira apa-apa kos perkhidmatan lampau yang tidak diiktiraf berkaitan dengan pelan yang sama.

Pembentangan

Offset

136. **Entiti hendaklah mengoffset aset yang berkaitan dengan satu pelan terhadap liabiliti yang berkaitan dengan pelan lain, jika dan hanya jika, entiti:**
- (a) **Mempunyai hak yang sah untuk menggunakan lebih dalam satu pelan untuk menyelesaikan obligasi di bawah pelan lain; dan**
 - (b) **Bercadang sama ada menyelesaikan obligasi pada asas bersih, atau merealisasikan lebih dalam satu pelan dan menyelesaikan obligasinya di bawah pelan lain secara serentak.**
137. Kriteria mengoffset adalah sama dengan kriteria yang ditetapkan untuk instrumen kewangan dalam MPSAS 28, *Instrumen Kewangan: Pembentangan*.

Perbezaan Semasa/Bukan Semasa

138. Sesetengah entiti membezakan aset dan liabiliti semasa daripada aset dan liabiliti bukan semasa. Piawaian ini tidak menyatakan sama ada entiti perlu membezakan bahagian aset dan liabiliti semasa dengan bukan semasa yang timbul daripada manfaat pascapekerjaan.

Komponen Kewangan Kos Manfaat Pascapekerjaan

139. Piawaian ini tidak menyatakan sama ada entiti perlu membentangkan kos perkhidmatan semasa, kos faedah, dan pulangan dijangka ke atas aset pelan sebagai komponen bagi satu butiran hasil atau belanja dalam penyata prestasi kewangan.

Pendedahan

140. **Entiti hendaklah mendedahkan maklumat yang membolehkan pengguna penyata kewangan menilai bentuk pelan manfaat ditentukan dan kesan kewangan ke atas perubahan pada pelan tersebut dalam tempoh berkenaan.**

141. **Entiti hendaklah mendedahkan maklumat pelan manfaat ditentukan yang berikut:**

- (a) **Dasar perakaunan entiti untuk mengiktiraf untung dan rugi aktuari;**
- (b) **Deskripsi umum mengenai jenis pelan;**
- (c) **Penyesuaian baki awal dan akhir bagi nilai kini obligasi manfaat ditentukan yang ditunjukkan secara berasingan, jika berkenaan, kesan terhadap butiran seperti berikut:**
 - (i) **Kos perkhidmatan semasa;**
 - (ii) **Kos faedah;**
 - (iii) **Caruman oleh peserta pelan;**
 - (iv) **Untung dan rugi aktuari;**
 - (v) **Perubahan kadar pertukaran mata wang asing ke atas pelan yang diukur dalam mata wang yang berbeza daripada mata wang dilaporkan oleh entiti;**
 - (vi) **Manfaat dibayar;**
 - (vii) **Kos perkhidmatan lampau;**
 - (viii) **Gabungan entiti;**
 - (ix) **Pengurangan; dan**
 - (x) **Penyelesaian.**
- (d) **Analisis ke atas obligasi manfaat ditentukan ke dalam amaun yang timbul daripada pelan tanpa dana sepenuhnya dan amaun yang timbul daripada pelan dengan dana sepenuhnya atau sebahagiannya;**

- (e) **Penyesuaian baki awal dan akhir bagi nilai saksama aset pelan, dan baki awal dan akhir bagi apa-apa hak pembayaran balik yang diiktiraf sebagai aset menurut perenggan 121 yang ditunjukkan secara berasingan, jika berkenaan, kesan terhadap butiran seperti berikut:**
 - (i) **Pulangan dijangka ke atas aset pelan;**
 - (ii) **Untung dan rugi aktuari;**
 - (iii) **Perubahan kadar pertukaran mata wang asing ke atas pelan yang diukur dalam mata wang yang berbeza daripada mata wang dilaporkan oleh entiti;**
 - (iv) **Caruman daripada majikan;**
 - (v) **Caruman daripada peserta pelan;**
 - (vi) **Manfaat dibayar;**
 - (vii) **Gabungan entiti; dan**
 - (viii) **Penyelesaian.**

- (f) **Penyesuaian nilai kini obligasi manfaat ditentukan dalam (c) dan nilai saksama aset pelan dalam (e) dengan aset dan liabiliti yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan, menunjukkan sekurang-kurangnya:**
 - (i) **Untung atau rugi aktuari bersih yang tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan (lihat perenggan 105);**
 - (ii) **Kos perkhidmatan lampau yang tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan (lihat perenggan 112);**
 - (iii) **Apa-apa amaun yang tidak diiktiraf sebagai aset, setakat yang dinyatakan dalam perenggan 69(b);**
 - (iv) **Nilai saksama pada tarikh pelaporan apa-apa hak pembayaran balik yang diiktiraf sebagai aset menurut perenggan 121 (dengan deskripsi ringkas kaitan antara hak pembayaran balik dengan obligasi yang berkaitan); dan**
 - (v) **Amaun lain yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.**

- (g) **Jumlah perbelanjaan diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan bagi setiap yang berikut, termasuk butiran di dalamnya:**
 - (i) **Kos perkhidmatan semasa;**

- (ii) **Kos faedah;**
 - (iii) **Pulangan dijangka ke atas aset pelan;**
 - (iv) **Pulangan dijangka ke atas apa-apa hak pembayaran balik diiktiraf sebagai aset menurut perenggan 121;**
 - (v) **Untung dan rugi aktuari;**
 - (vi) **Kos perkhidmatan lampau;**
 - (vii) **Kesan daripada apa-apa pengurangan atau penyelesaian; dan**
 - (viii) **Kesan setakat yang dinyatakan dalam perenggan 69(b).**
- (h) **Jumlah amaun diiktiraf dalam penyata perubahan dalam aset bersih/ekuiti bagi setiap yang berikut:**
- (i) **Untung dan rugi aktuari; dan**
 - (ii) **Kesan setakat yang dinyatakan dalam perenggan 69(b)**
- (i) **Bagi entiti yang mengiktiraf untung dan rugi aktuari dalam penyata perubahan aset bersih/ekuiti menurut perenggan 107, amaun terkumpul bagi untung dan rugi aktuari yang diiktiraf dalam penyata tersebut;**
- (j) **Bagi setiap kategori utama aset pelan, yang hendaklah termasuk, tetapi tidak terhad kepada, instrumen ekuiti, instrumen hutang, hartanah, dan semua aset lain, peratus atau amaun setiap kategori utama tersebut yang membentuk nilai saksama bagi jumlah aset pelan;**
- (k) **Amaun yang dimasukkan ke dalam nilai saksama aset pelan bagi:**
- (i) **Setiap kategori instrumen kewangan milik entiti itu sendiri; dan**
 - (ii) **Apa-apa hartanah yang dihuni oleh, atau aset lain yang digunakan oleh entiti tersebut.**
- (l) **Deskripsi naratif tentang asas yang digunakan untuk menentukan keseluruhan kadar pulangan dijangka aset, termasuk kesan daripada kategori utama aset pelan;**
- (m) **Pulangan pelan aset sebenar, termasuk pulangan hak pembayaran balik sebenar yang diiktiraf sebagai aset menurut perenggan 121;**
- (n) **Andaian aktuari yang digunakan seperti pada tarikh pelaporan, termasuk, apabila berkenaan:**

- (i) **Kadar diskaun;**
- (ii) **Asas yang digunakan untuk menentukan kadar diskaun;**
- (iii) **Kadar pulangan dijangka pelan aset bagi tempoh yang dilaporkan dalam penyata kewangan;**
- (iv) **Kadar pulangan dijangka bagi tempoh yang dilaporkan dalam penyata kewangan ke atas apa-apa hak pembayaran balik yang diiktiraf sebagai aset menurut perenggan 121;**
- (v) **Kadar kenaikan gaji dijangka (dan perubahan dalam indeks atau pemboleh ubah lain yang dinyatakan dalam syarat rasmi atau terma konstruktif pelan sebagai asas untuk kenaikan manfaat masa hadapan);**
- (vi) **Trend kadar kos perubatan; dan**
- (vii) **Apa-apa andaian aktuari material yang lain yang digunakan.**

Entiti hendaklah mendedahkan setiap andaian aktuari secara mutlak (contohnya, peratus mutlak) dan bukan hanya dalam bentuk margin antara perbezaan peratus atau pemboleh ubah lain;

- (o) **Kesan kenaikan satu titik peratusan dan kesan pengurangan satu titik peratusan dalam andaian kadar trend kos perubatan ke atas:**
 - (i) **Agregat komponen kos perkhidmatan semasa dan kos faedah bagi kos perubatan pascapekerjaan berkala bersih; dan**
 - (ii) **Obligasi manfaat pascapekerjaan terkumpul untuk kos perubatan.**

Untuk tujuan pendedahan ini, semua andaian lain hendaklah seragam. Bagi pelan yang beroperasi dalam persekitaran inflasi tinggi, pendedahan perlu menunjukkan kesan kenaikan atau penurunan peratusan dalam andaian kadar trend kos perubatan yang terhampir dengan satu titik peratusan dalam persekitaran inflasi rendah;

- (p) **Amaun untuk tempoh tahunan semasa dan empat tempoh tahunan terdahulu bagi:**
 - (i) **Nilai kini obligasi manfaat ditentukan, nilai saksama aset pelan, dan lebihan atau kekurangan dalam pelan; dan**
 - (ii) **Pelaras terdahulu yang timbul ke atas:**
 - (a) **Liabiliti pelan yang diungkapkan sama ada sebagai (1) amaun, atau (2) peratusan liabiliti pelan pada tarikh pelaporan; dan**

- (b) **Aset pelan yang diungkapkan sama ada sebagai (1) amaun, atau (2) peratusan aset pelan pada tarikh pelaporan.**
 - (q) **Anggaran terbaik oleh majikan, sebaik sahaja anggaran tersebut dapat ditentukan secara munasabah, bagi caruman yang dijangka akan dibayar ke dalam pelan dalam tempoh tahunan bermula selepas tarikh pelaporan.**
142. Perenggan 141(b) menghendaki penerangan am tentang jenis pelan. Penerangan tersebut membezakan, contohnya, pelan pencen gaji mendarat daripada pelan pencen gaji terakhir, dan daripada pelan perubatan pascapekerjaan. Penerangan tentang pelan termasuk amalan tidak rasmi menyebabkan obligasi konstruktif termasuk pengukuran obligasi manfaat ditentukan menurut perenggan 63. Penerangan lanjut tidak diperlukan.
143. Apabila entiti mempunyai lebih daripada satu pelan manfaat ditentukan, pendedahan boleh dibuat secara keseluruhan, berasingan untuk setiap pelan, atau dalam kumpulan tertentu seperti yang dianggap paling sesuai. Pendedahan tersebut lebih bermanfaat apabila dapat membezakan kumpulan pelan manfaat mengikut kriteria yang berikut:
- (a) Lokasi geografi pelan; atau
 - (b) Sama ada pelan tertakluk kepada risiko yang sangat berbeza, contohnya, dengan membezakan pelan pencen gaji mendarat daripada pelan pencen gaji terakhir, dan daripada pelan perubatan pascapekerjaan.
- Apabila entiti menyediakan pendedahan secara keseluruhan untuk kumpulan pelan, pendedahan tersebut disediakan dalam bentuk purata berwajaran atau dalam bentuk julat yang agak kecil.
144. Perenggan 33 menghendaki pendedahan tambahan bagi pelan manfaat ditentukan pelbagai majikan yang diuruskan seperti pelan caruman ditentukan.
145. Jika dikehendaki oleh MPSAS 20, entiti hendaklah mendedahkan maklumat tentang:
- (a) Urus niaga pihak berkaitan dengan pelan manfaat pascapekerjaan; dan
 - (b) Manfaat pascapekerjaan untuk personel pengurusan utama.
146. Apabila dikehendaki oleh MPSAS, entiti hendaklah mendedahkan maklumat tentang liabiliti luar jangka yang timbul daripada obligasi manfaat pascapekerjaan.

Manfaat Pekerja Jangka Panjang yang Lain

147. Manfaat pekerja jangka panjang yang lain termasuk, contohnya:
- (a) Ketidakhadiran terpampas jangka panjang seperti cuti perkhidmatan lama atau cuti sabatikal;

- (b) Manfaat jubli atau perkhidmatan lama yang lain;
 - (c) Manfaat hilang upaya jangka panjang;
 - (d) Bonus dan perkongsian untung yang perlu dibayar dalam tempoh dua belas bulan atau lebih selepas tamat tempoh pekerja memberikan perkhidmatan yang berkaitan;
 - (e) Pampasan tertunda yang dibayar dalam tempoh dua belas bulan atau lebih selepas tamat tempoh ia diperolehi; dan
 - (f) Pampasan yang perlu dibayar oleh entiti sehingga individu mempunyai pekerjaan baharu.
148. Pengukuran manfaat pekerja jangka panjang yang lain adalah tidak sentiasa tertakluk kepada tahap ketidakpastian yang sama seperti dalam pengukuran manfaat pascapekerjaan. Selain itu, pengenalan atau perubahan pada manfaat pekerja jangka panjang yang lain jarang menyebabkan material bagi kos perkhidmatan lampau. Atas alasan ini, Piawaian ini menghendaki kaedah perakaunan yang termudah untuk manfaat pekerja jangka panjang yang lain. Kaedah ini berbeza daripada perakaunan yang dikehendaki untuk manfaat pascapekerjaan seperti yang berikut:
- (a) Untung dan rugi aktuari diiktiraf serta merta dan tiada koridor digunakan; dan
 - (b) Semua kos perkhidmatan lampau diiktiraf serta merta.
149. Piawaian ini mengambil kira andaian boleh tolak bayaran hilang upaya jangka panjang adalah tidak sentiasa tertakluk kepada tahap ketidakpastian yang sama seperti dalam pengukuran manfaat pascapekerjaan. Jika andaian ini ditolak, entiti hendaklah mempertimbangkan sama ada sebahagian atau semua bayaran hilang upaya jangka panjang patut diakaunkan menurut perenggan 59-146.

Pengiktirafan dan Pengukuran

150. **Amaun yang diiktiraf sebagai liabiliti untuk manfaat pekerja jangka panjang yang lain hendaklah merujuk kepada jumlah bersih bagi amaun yang berikut:**
- (a) **Nilai kini obligasi manfaat ditentukan pada tarikh pelaporan (lihat perenggan 77);**
 - (b) **Tolak nilai saksama pada tarikh pelaporan aset pelan (jika ada) daripada obligasi yang akan diselesaikan serta merta (lihat perenggan 118-120).**

Untuk mengukur liabiliti, entiti hendaklah menggunakan perenggan 55-104, kecuali perenggan 65 dan 74. Entiti hendaklah menggunakan perenggan 121 untuk mengiktiraf dan mengukur apa-apa hak pembayaran balik.

151. **Untuk manfaat pekerja jangka panjang yang lain, entiti hendaklah mengiktiraf jumlah bersih amaun yang berikut sebagai perbelanjaan atau (tertakluk kepada perenggan 69) hasil, kecuali setakat Piawaian lain menghendaki atau membenarkan kemasukannya**

dalam kos aset.

- (a) **Kos perkhidmatan semasa (lihat perenggan 76-104);**
 - (b) **Kos faedah (lihat perenggan 95);**
 - (c) **Pulangan dijangka ke atas apa-apa aset pelan (lihat perenggan 125-127) dan ke atas apa-apa hak pembayaran balik yang diiktiraf sebagai aset (lihat perenggan 121);**
 - (d) **Untung dan rugi aktuari, yang hendaklah semuanya diiktiraf serta merta;**
 - (e) **Kos perkhidmatan lampau, yang hendaklah semuanya diiktiraf serta merta; dan**
 - (f) **Kesan daripada apa-apa pengurangan atau penyelesaian (lihat perenggan 129 dan 130).**
152. Satu lagi bentuk manfaat pekerja jangka panjang yang lain ialah manfaat hilang upaya jangka panjang. Jika tahap manfaat bergantung pada tempoh perkhidmatan, maka obligasi timbul apabila perkhidmatan diberikan. Pengukuran obligasi tersebut menggambarkan kemungkinan bayaran adalah diperlukan, dan tempoh masa bagi bayaran tersebut dijangka akan dilaksanakan. Jika tahap manfaat sama bagi mana-mana pekerja hilang upaya tanpa mengambil kira bilangan tahun perkhidmatan, kos dijangka bagi manfaat tersebut diiktiraf apabila peristiwa berlaku yang menyebabkan hilang upaya jangka panjang. Perenggan 149 menerangkan kemungkinan bahawa bayaran manfaat hilang upaya jangka panjang mungkin tertakluk kepada tahap ketidakpastian yang lebih tinggi berbanding manfaat pekerja jangka panjang yang lain.

Pendedahan

153. Walaupun Piawai ini tidak menghendaki pendedahan tertentu tentang manfaat pekerja jangka panjang yang lain, Piawai lain mungkin menghendaki pendedahan; contohnya, apabila perbelanjaan yang terhasil daripada manfaat tersebut didapati material, dan oleh itu menghendaki pendedahan menurut MPSAS 1. Apabila dikehendaki oleh MPSAS 20, entiti hendaklah mendedahkan maklumat tentang manfaat pekerja jangka panjang yang lain untuk personel pengurusan utama.

Manfaat Penamatan

154. Piawai ini membincangkan manfaat penamatan berasingan daripada manfaat pekerja yang lain, kerana peristiwa yang menimbulkan obligasi merupakan penamatan dan bukan perkhidmatan pekerja.

Pengiktirafan

155. **Entiti hendaklah mengiktiraf manfaat penamatan sebagai liabiliti dan perbelanjaan jika dan hanya jika, entiti terbukti komited sama ada untuk:**

- (a) **Menamatkan pekerjaan pekerja atau kumpulan pekerja sebelum tarikh persaraan biasa; atau**
 - (b) **Menyediakan manfaat penamatan akibat tawaran yang dibuat untuk menggalakkan pemberhentian sukarela.**
156. **Entiti terbukti komited terhadap penamatan jika dan hanya jika, entiti mempunyai pelan rasmi terperinci untuk penamatan, dan tanpa kemungkinan yang munasabah untuk ditarik balik. Pelan terperinci termasuk, sekurang-kurangnya:**
- (a) **Lokasi, fungsi dan anggaran bilangan pekerja yang perkhidmatannya akan ditamatkan;**
 - (b) **Manfaat penamatan untuk setiap klasifikasi atau fungsi kerja; dan**
 - (c) **Masa apabila pelan tersebut akan dilaksanakan. Pelaksanaan hendaklah bermula dengan kadar segera dan tempoh masa pelaksanaan disempurnakan hendaklah seolah-olah tiada kemungkinan berlaku perubahan material pada pelan.**
157. Entiti mungkin komited:
- (a) melalui perundangan;
 - (b) melalui kontrak atau perjanjian lain dengan pekerja atau wakil mereka; atau
 - (c) melalui obligasi konstruktif berdasarkan amalan perniagaan, kelaziman, atau hasrat untuk bertindak dengan adil, untuk membuat bayaran (atau menyediakan manfaat lain) kepada pekerja apabila entiti menamatkan pekerjaan mereka.
- Bayaran tersebut ialah manfaat penamatan. Manfaat penamatan biasanya ialah bayaran sekaligus tetapi ada kalanya juga termasuk:
- (a) Penambahan manfaat persaraan atau manfaat pascapekerjaan yang lain, sama ada secara tidak langsung melalui pelan manfaat pekerja atau secara langsung; dan
 - (b) Gaji sehingga akhir tempoh notis yang ditetapkan jika pekerja tidak memberikan perkhidmatan lanjut yang memberikan manfaat ekonomi kepada entiti.
158. Sesetengah manfaat pekerja akan dibayar tanpa mengambil kira alasan pekerja berhenti. Bayaran manfaat tersebut adalah pasti (tertakluk kepada apa-apa keperluan letak hak atau perkhidmatan minimum) tetapi masa pembayaran adalah tidak pasti. Walaupun di sesetengah negara manfaat tersebut diterangkan sebagai tanggung rugi penamatan, atau ganjaran penamatan, namun manfaat tersebut merupakan manfaat pascapekerjaan dan bukan manfaat penamatan, dan entiti mengaunkannya sebagai manfaat pascapekerjaan. Sesetengah entiti menyediakan manfaat yang lebih rendah untuk penamatan sukarela atas permintaan pekerja (pada hakikatnya, manfaat pascapekerjaan) berbanding penamatan bukan sukarela atas permintaan entiti. Manfaat tambahan

akan dibayar untuk penamatan bukan sukarela ialah manfaat penamatan.

159. Manfaat penamatan tidak memberikan manfaat ekonomi masa hadapan kepada entiti, dan diiktiraf serta-merta sebagai belanja.
160. Jika entiti mengiktiraf manfaat penamatan, entiti boleh juga mengakaunkan pengurangan bagi manfaat persaraan atau manfaat pekerja yang lain (lihat perenggan 129).

Pengukuran

161. **Jika manfaat penamatan perlu dibayar dalam tempoh lebih daripada 12 bulan selepas tarikh pelaporan, manfaat tersebut hendaklah didiskaunkan dengan menggunakan kadar diskaun yang dinyatakan dalam perenggan 91.**
162. **Bagi tawaran yang dibuat untuk menggalakkan pemberhentian sukarela, pengukuran manfaat penamatan hendaklah berasaskan bilangan pekerja yang dijangka menerima tawaran tersebut.**

Pendedahan

163. Jika terdapat ketidakpastian tentang bilangan pekerja yang akan menerima tawaran manfaat penamatan, ini menunjukkan liabiliti luar jangka wujud. Seperti yang dikehendaki oleh MPSAS 19, entiti hendaklah mendedahkan maklumat tentang liabiliti luar jangka kecuali kemungkinan aliran keluar dalam penyelesaian adalah terpencil.
164. Seperti yang dikehendaki oleh MPSAS 1, entiti hendaklah mendedahkan jenis dan amaun perbelanjaan jika material. Manfaat penamatan mungkin menyebabkan perbelanjaan yang memerlukan pendedahan bagi memenuhi keperluan ini.
165. Jika dikehendaki oleh MPSAS 20, entiti hendaklah mendedahkan maklumat tentang manfaat penamatan untuk personel pengurusan utama.

Penggunaan Kali Pertama Piawaian ini

166. **Pada kali pertama menggunakan Piawaian ini, entiti hendaklah menentukan liabiliti awalnya untuk pelan manfaat ditentukan pada tarikh tersebut seperti:**
- (a) **Nilai kini obligasi (lihat perenggan 77) pada tarikh penggunaan;**
 - (b) **Tolak nilai saksama, pada tarikh penggunaan aset pelan (jika ada) yang daripadanya obligasi diselesaikan secara langsung (lihat perenggan 118-120);**
 - (c) **Tolak apa-apa kos perkhidmatan lampau di bawah perenggan 112, hendaklah diiktiraf kemudian.**
167. **Jika liabiliti awal yang ditentukan menurut perenggan 166 lebih atau kurang daripada**

liabiliti yang sepatutnya diiktiraf pada tarikh yang sama di bawah dasar perakaunan entiti yang terdahulu, entiti hendaklah mengiktiraf kenaikan/pengurangan tersebut dalam lebih atau kurang awal terkumpul.

168. Pada penggunaan awal Piawaian ini, kesan perubahan dalam dasar perakaunan termasuk semua untung dan rugi aktuari yang timbul dalam tempoh lebih awal, walaupun untung dan rugi aktuari tersebut termasuk dalam koridor yang dinyatakan dalam perenggan 105. Entiti yang membuat pelaporan di bawah perakaunan akruan untuk kali pertama tidak akan mengiktiraf apa-apa liabiliti, dalam hal ini peningkatan liabiliti merupakan amaun penuh liabiliti tolak nilai saksama, pada tarikh penggunaan, bagi mana-mana aset pelan menurut perenggan 166(b) dan apa-apa kos perkhidmatan lampau yang hendak diiktiraf dalam tempoh kemudian menurut perenggan 166(c). Di bawah peruntukan Piawaian ini, kenaikan liabiliti ini diiktiraf dalam lebih atau kurang terkumpul.
169. **Pada kali pertama menggunakan Piawaian ini, entiti tidak boleh mengasingkan untung dan rugi aktuari terkumpul bermula dari tarikh pelan manfaat ditentukan sehingga tarikh penggunaan pertama Piawaian ini kepada bahagian diiktiraf dan tidak diiktiraf. Semua untung dan rugi aktuari terkumpul hendaklah diiktiraf dalam lebih atau kurang awal terkumpul.**
170. Pada penggunaan kali pertama Piawaian ini, entiti tidak dibenarkan mengasingkan untung dan rugi aktuari terkumpul kepada bahagian diiktiraf dan tidak diiktiraf. Semua untung dan rugi terkumpul diiktiraf dalam lebih atau kurang awal terkumpul. Keperluan penggunaan kali pertama Piawaian ini tidak menghalang entiti daripada memilih untuk mengiktiraf hanya sebahagian daripada untung dan rugi aktuarinya menurut keperluan perenggan 105-107 dalam tempoh pelaporan berikutnya.
171. **Pada tahun pertama penggunaan Piawaian ini, entiti tidak dikehendaki menyediakan maklumat perbandingan.**
172. Perenggan 171 memberikan pelepasan daripada memasukan maklumat perbandingan kepada semua entiti pada tahun pertama penggunaan Piawaian ini. Entiti digalakkan untuk memasukkan maklumat perbandingan jika maklumat ini boleh didapati.
173. **Pada tahun pertama penggunaan Piawaian ini, entiti tidak dikehendaki menyediakan pendedahan dalam perenggan 141(c), 141(e) dan 141(f).**
174. Penyesuaian dalam perenggan 141(c) dan 141(e) melibatkan pendedahan baki awal yang berkaitan dengan komponen dalam obligasi manfaat ditentukan, aset pelan dan hak pembayaran balik. Pendedahan dalam perenggan 141(f) menghendaki penyesuaian yang bergantung pada maklumat dalam perenggan 141(c) dan 141(e). Pendedahan ini tidak dikehendaki pada tahun pertama penggunaan Piawaian ini. Entiti digalakkan memasukkan pendedahan ini jika maklumat boleh didapati.
175. **Pada tahun pertama penggunaan Standard ini, entiti boleh menyediakan maklumat yang**

dikehendaki dalam perenggan 141(p) secara prospektif.

176. Maklumat yang dinyatakan dalam perenggan 141(p) berkait dengan nilai kini obligasi manfaat ditentukan, nilai saksama aset pelan, lebihan atau kurangan dalam pelan, dan beberapa pelarasan terdahulu. Pendedahan ini hanya dikehendaki untuk laporan tahunan semasa pada tahun pertama penggunaan. Maklumat pada tempoh tahunan terdahulu boleh disediakan secara prospektif apabila entiti melaporkannya di bawah keperluan Piawaian ini. Keadaan ini membolehkan entiti membina maklumat trend dalam satu tempoh, dan bukannya menghasilkan maklumat tersebut untuk tempoh pelaporan sebelum tempoh penggunaan kali pertama Piawaian ini.

Tarikh Kuat Kuasa

177. **Entiti hendaklah mengguna pakai Piawaian ini untuk penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan lebih awal amat digalakkan. Jika entiti mengguna pakai Piawaian ini untuk tempoh bermula sebelum 1 Januari 2017, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut.**
- 177A. *Dimansuhkan*
178. Apabila entiti menerima pakai perakaunan asas akruan seperti yang ditakrifkan oleh MPSAS untuk tujuan pelaporan kewangan selepas tarikh kuat kuasa ini, maka Piawaian ini terpakai bagi penyata kewangan tahunan entiti yang merangkumi tempoh bermula pada atau selepas tarikh diterima pakai.

Panduan Aplikasi (PA)

Lampiran ini ialah bahagian penting MPSAS 25.

Contoh bagi Ilustrasi Perenggan 21: Perakaunan bagi Pelan Bonus Berkaitan Prestasi

PA1. Pelan bonus berkaitan prestasi menghendaki unit percetakan kerajaan membayar bahagian ditentukan dalam lebihannya untuk tahun tersebut kepada pekerja yang memenuhi sasaran prestasi pratentu dan berkhidmat sepanjang tahun tersebut, contohnya memegang jawatan pada hari pertama dan terakhir dalam tempoh pelaporan. Jika tiada pekerja meninggalkan entiti pada tahun tersebut, jumlah bayaran bonus bagi tahun tersebut adalah 3% daripada lebihan sebenar. Entiti menentukan pusing ganti pekerja akan mengurangkan bayaran kepada 2.5% daripada lebihan sebenar.

Entiti mengiktiraf liabiliti dan perbelanjaan sebanyak 2.5% daripada lebihan sebenar.

Contoh bagi Ilustrasi Perenggan 36: Perakaunan untuk Pelan Pelbagai Majikan

PA2. Seperti entiti yang serupa di Negara X, Unit A Kerajaan Tempatan menyertai pelan manfaat ditentukan pelbagai majikan. Oleh sebab pelan tersebut mendedahkan entiti penyertaan terhadap risiko aktuari yang dikaitkan dengan pekerja semasa dan bekas pekerja dari unit kerajaan tempatan lain yang menyertai pelan, tiada asas yang konsisten dan pasti bagi memperuntukkan obligasi, aset pelan, dan kos kepada unit kerajaan tempatan individu yang menyertai pelan tersebut. Oleh itu, Unit A Kerajaan Tempatan mengakaunkan pelan tersebut seolah-olah adalah pelan caruman ditentukan. Penilaian pembiayaan, yang tidak disediakan berasaskan andaian yang serasi dengan keperluan Piawaian ini, menunjukkan kurangan sebanyak RM480 juta dalam pelan. Pelan telah bersetuju, di bawah perjanjian, jadual caruman dengan majikan yang menyertai pelan tersebut dalam pelan akan menghapuskan kurangan dalam tempoh lima tahun akan datang. Jumlah caruman Unit A Kerajaan Tempatan di bawah kontrak tersebut ialah RM40 juta.

Entiti mengiktiraf liabiliti bagi caruman yang dilaraskan untuk nilai masa wang dan perbelanjaan sama rata dalam lebihan atau kurangan.

Contoh bagi Ilustrasi Perenggan 73: Had ke atas Pengiktirafan Aset Pelan

PA3. Pelan manfaat ditentukan mempunyai ciri yang berikut:

Nilai kini obligasi	1100
Nilai saksama aset pelan	(1190)
	(90)
Rugi aktuari tidak diiktiraf	(110)
Kos perkhidmatan lampau tidak diiktiraf	(70)
Amaun negatif yang ditentukan di bawah perenggan 65	(270)
Nilai kini bayaran balik masa hadapan dan pengurangan dalam caruman masa hadapan	60
<i>Had di bawah perenggan 69(b) adalah seperti berikut:</i>	
<i>Rugi aktuari tidak diiktiraf</i>	<i>110</i>
<i>Kos perkhidmatan lampau tidak diiktiraf</i>	<i>70</i>
<i>Nilai kini bayaran balik masa hadapan dan pengurangan dalam caruman masa hadapan</i>	<i>60</i>
<i>Had</i>	<i>240</i>

240 lebih kecil daripada 270. Oleh itu, entiti mengiktiraf aset sebagai 240 dan mendedahkan had dalam perenggan 69(b) mengurangkan amaun bawaan aset sebanyak 30 (lihat perenggan 141(f)(iii)).

Contoh bagi Ilustrasi Perenggan 78: Kaedah Unjuran Kredit Unit

PA4. Manfaat sekaligus dibayar pada penamatan perkhidmatan dan bersamaan dengan 1% daripada gaji terakhir untuk setiap tahun perkhidmatan. Gaji pada tahun pertama ialah 10,000 dan diandaikan meningkat 7% (kompaun) setiap tahun. Kadar diskaun yang digunakan ialah 10% setahun. Jadual yang berikut menunjukkan bagaimana obligasi terbentuk untuk seorang pekerja yang dijangka meninggalkan entiti pada hujung tahun kelima, dengan mengandaikan tiada perubahan dalam andaian aktuari. Untuk memudahkan penerangan, contoh ini mengetepikan pelarasan tambahan yang diperlukan untuk menggambarkan kemungkinan pekerja meninggalkan entiti pada tarikh lebih awal atau lebih kemudian.

Tahun	1	2	3	4	5
<i>Manfaat diperuntukkan untuk:</i>					
– tahun terdahulu	0	131	262	393	524
– tahun semasa (1% daripada gaji terakhir)	<u>131</u>	<u>131</u>	<u>131</u>	<u>131</u>	<u>131</u>
– tahun semasa dan terdahulu	<u>131</u>	<u>262</u>	<u>393</u>	<u>524</u>	<u>655</u>
Tahun	1	2	3	4	5
Obligasi awal	–	89	196	324	476
Faedah pada 10%	–	9	20	33	48
Kos perkhidmatan semasa	<u>89</u>	<u>98</u>	<u>108</u>	<u>119</u>	<u>131</u>
Obligasi akhir	<u>89</u>	<u>196</u>	<u>324</u>	<u>476</u>	<u>655</u>

Nota:

1. Obligasi awal ialah nilai kini bagi manfaat diperuntukkan untuk tahun terdahulu.
2. Kos perkhidmatan semasa ialah nilai kini bagi manfaat diperuntukkan untuk tahun semasa.
3. Obligasi akhir ialah nilai kini bagi manfaat diperuntukkan untuk tahun semasa dan terdahulu

Contoh bagi Ilustrasi Perenggan 81: Memperuntukkan Manfaat untuk Tahun Perkhidmatan

- PA5. Pelan manfaat ditentukan menyediakan manfaat sekaligus sebanyak 100 yang dibayar ke atas persaraan untuk setiap tahun perkhidmatan.

Manfaat sebanyak 100 diperuntukkan untuk setiap tahun. Kos perkhidmatan semasa ialah nilai kini sebanyak 100. Nilai kini bagi obligasi manfaat ditentukan ialah nilai kini sebanyak 100, didarabkan dengan bilangan tahun perkhidmatan sehingga tarikh pelaporan.

Jika manfaat dibayar sebaik sahaja pekerja meninggalkan entiti, kos perkhidmatan semasa dan nilai kini bagi obligasi manfaat ditentukan menggambarkan tarikh pekerja tersebut dijangka meninggalkan entiti. Oleh itu, disebabkan kesan diskaun, amaunnya kurang daripada amaun yang sepatutnya ditentukan jika pekerja meninggalkan entiti pada tarikh pelaporan.

- PA6. Pelan menyediakan pencen bulanan sebanyak 0.2% daripada gaji terakhir untuk setiap tahun perkhidmatan. Pencen akan dibayar bermula pada umur 65 tahun.

Manfaat yang sama dengan nilai kini, pada tarikh persaraan dijangka, bagi pencen bulanan sebanyak 0.2% daripada anggaran gaji terakhir yang dibayar dari tarikh jangkaan persaraan sehingga tarikh jangkaan kematian, diperuntukkan untuk setiap tahun perkhidmatan. Kos perkhidmatan semasa ialah nilai kini bagi manfaat tersebut. Nilai kini obligasi manfaat ditentukan ialah nilai kini bagi bayaran pencen bulanan sebanyak 0.2% daripada gaji terakhir, didarabkan dengan bilangan tahun perkhidmatan sehingga tarikh pelaporan. Kos perkhidmatan semasa dan nilai kini obligasi manfaat ditentukan didiskaunkan, oleh sebab bayaran pencen bermula pada umur 65 tahun.

Contoh bagi Ilustrasi Perenggan 82: Manfaat Letak Hak atau Tidak Terletak Hak

- PA7. Pelan membayar manfaat sebanyak 100 untuk setiap tahun perkhidmatan. Manfaat diletak hak selepas 10 tahun perkhidmatan.

Manfaat sebanyak 100 diperuntukkan untuk setiap tahun. Pada setiap tahun dalam 10 tahun pertama, kos perkhidmatan semasa dan nilai kini obligasi menggambarkan kemungkinan pekerja mungkin tidak menyempurnakan tempoh perkhidmatan sepuluh tahun.

- PA8. Pelan membayar manfaat sebanyak 100 untuk setiap tahun perkhidmatan, tidak termasuk perkhidmatan sebelum umur 25 tahun. Manfaat diletak hak serta merta.

Tiada manfaat diperuntukkan untuk perkhidmatan sebelum umur 25 tahun, oleh sebab perkhidmatan sebelum tarikh tersebut tidak menyebabkan manfaat disediakan (bersyarat atau tidak bersyarat). Manfaat sebanyak 100 diperuntukkan untuk setiap tahun berikutnya.

Contoh bagi Ilustrasi Perenggan 83: Memperuntukkan Manfaat untuk Tempoh Perakaunan

- PA9. Pelan membayar manfaat sekaligus sebanyak 1,000 yang diletak hak selepas 10 tahun perkhidmatan. Pelan tidak menyediakan manfaat lanjut untuk perkhidmatan berikutnya.

Manfaat sebanyak 100 (1,000 dibahagi dengan 10) diperuntukkan untuk setiap 10 tahun pertama. Kos perkhidmatan semasa dalam setiap 10 tahun pertama tersebut menggambarkan kemungkinan pekerja mungkin tidak menyempurnakan tempoh perkhidmatan 10 tahun. Tiada manfaat diperuntukkan untuk tahun-tahun berikutnya.

- PA10. Pelan membayar manfaat persaraan sekaligus sebanyak 2,000 kepada semua pekerja yang masih bekerja pada umur 55 tahun selepas berkhidmat 20 tahun, atau mereka yang masih bekerja pada umur 65 tahun, tanpa mengambil kira tempoh perkhidmatan mereka.

Untuk pekerja yang menyertai entiti sebelum umur 35 tahun, perkhidmatan mula menyediakan manfaat di bawah pelan pada umur 35 tahun (pekerja boleh meninggalkan entiti pada umur 30 tahun dan kembali bekerja pada umur 33 tahun, tanpa kesan ke atas amaun atau masa manfaat). Manfaat tersebut adalah bersyarat ke atas perkhidmatan selanjutnya. Begitu juga, perkhidmatan pada umur melebihi 55 tahun tidak menyediakan material bagi manfaat selanjutnya. Untuk pekerja ini, entiti memperuntukkan manfaat sebanyak 100 (2,000 dibahagi dengan 20) untuk setiap tahun bermula dari umur 35 tahun hingga 55 tahun.

Untuk pekerja yang menyertai entiti pada umur antara 35 hingga 45 tahun, perkhidmatan melebihi 20 tahun tidak menyediakan material bagi manfaat selanjutnya. Untuk pekerja ini, entiti memperuntukkan manfaat sebanyak 100 (2,000 dibahagi dengan 20) untuk setiap 20 tahun pertama.

Untuk pekerja yang menyertai entiti pada umur 55 tahun, perkhidmatan melebihi sepuluh tahun tidak menyediakan amaun bagi manfaat selanjutnya. Untuk pekerja ini, entiti memperuntukkan

manfaat sebanyak 200 (2,000 dibahagi dengan 10) untuk setiap 10 tahun pertama.

Untuk semua pekerja, kos perkhidmatan semasa dan nilai kini obligasi menggambarkan kemungkinan pekerja mungkin tidak menyempurnakan tempoh perkhidmatan bersara wajib.

- PA11. Pelan perubatan pascapekerjaan membayar balik 40% daripada kos perubatan pascapekerjaan pekerja jika pekerja meninggalkan entiti selepas lebih daripada 10 tahun dan kurang daripada 20 tahun perkhidmatan, dan 50% daripada kos tersebut jika pekerja meninggalkan entiti selepas 20 tahun perkhidmatan atau lebih.

Di bawah formula manfaat pelan, entiti memperuntukkan 4% daripada nilai kini bagi kos perubatan dijangka (40% dibahagi dengan 10) untuk setiap 10 tahun pertama dan 1% (10% dibahagi dengan 10) untuk setiap 10 tahun kedua. Kos perkhidmatan semasa bagi setiap tahun menggambarkan kemungkinan pekerja mungkin tidak menyempurnakan tempoh perkhidmatan yang perlu untuk memperoleh sebahagian atau semua manfaat. Untuk pekerja yang dijangka meninggalkan entiti dalam tempoh 10 tahun, tiada manfaat diperuntukkan.

- PA12. Pelan perubatan pascapekerjaan membayar balik 10% daripada kos perubatan pascapekerjaan pekerja jika pekerja meninggalkan entiti selepas lebih daripada 10 tahun dan kurang daripada 20 tahun perkhidmatan, dan 50% daripada kos tersebut jika pekerja meninggalkan entiti selepas 20 tahun perkhidmatan atau lebih.

Perkhidmatan masa hadapan menyediakan tahap manfaat yang jauh lebih tinggi berbanding tahun terdahulu. Oleh itu, untuk pekerja yang dijangka meninggalkan entiti selepas 20 tahun atau lebih, entiti memperuntukkan manfaat pada asas garis lurus di bawah perenggan 68. Perkhidmatan melebihi 20 tahun tidak menyediakan material dalam manfaat selanjutnya. Oleh itu, manfaat yang diperuntukkan untuk setiap 20 tahun pertama ialah 2.5% daripada nilai kini kos perubatan dijangka (50% dibahagi dengan 20).

Untuk pekerja yang dijangka meninggalkan entiti dalam tempoh 10 hingga 20 tahun, manfaat yang diperuntukkan untuk setiap 10 tahun pertama ialah 1% daripada nilai kini kos perubatan dijangka. Untuk pekerja ini, tiada manfaat diperuntukkan untuk perkhidmatan di antara hujung tahun kesepuluh dan anggaran tarikh meninggalkan entiti.

Untuk pekerja yang dijangka meninggalkan entiti dalam tempoh 10 tahun, tiada manfaat diperuntukkan.

Contoh bagi Ilustrasi Perenggan 84: Memperuntukkan Manfaat untuk Tempoh Perakaunan

- PA13. Pekerja layak mendapat manfaat sebanyak 3% daripada gaji terakhir untuk setiap tahun perkhidmatan sebelum umur 55 tahun.

Manfaat sebanyak 3% daripada anggaran gaji terakhir diperuntukkan untuk setiap tahun sehingga umur 55 tahun. Pada tarikh ini, perkhidmatan selanjutnya oleh pekerja tidak menyediakan material bagi manfaat selanjutnya di bawah pelan ini. Tiada manfaat

diperuntukkan untuk perkhidmatan selepas umur tersebut.

Contoh bagi Ilustrasi Perenggan 113: Perakaunan untuk Kos Perkhidmatan Lampau

PA14. Entiti menguruskan pelan pencen yang menyediakan pencen sebanyak 2% daripada gaji terakhir untuk setiap tahun perkhidmatan. Manfaat terletak hak selepas lima tahun perkhidmatan. Pada 1 Januari 20X9, entiti menaikkan pencen kepada 2.5% daripada gaji terakhir untuk setiap tahun perkhidmatan bermula dari 1 Januari, 20X5. Pada tarikh pencen dinaikkan, nilai kini manfaat tambahan untuk perkhidmatan bermula dari 1 Januari, 20X5 hingga 1 Januari 20X9, adalah seperti berikut:

Pekerja dengan perkhidmatan lebih daripada lima tahun pada 1/1/X9	150
Pekerja dengan perkhidmatan kurang daripada lima tahun pada 1/1/X9 (tempoh purata sehingga letak hak: tiga tahun)	120
	270

Entiti mengiktiraf 150 secara langsung oleh sebab manfaat tersebut telah terletak hak. Entiti mengiktiraf 120 pada asas garis lurus dalam tempoh tiga tahun bermula dari 1 Januari 20X9.

Contoh bagi Ilustrasi Perenggan 121-123: Pembayaran Balik

PA15. Pembayaran Balik:

Nilai kini obligasi	1,241
Untung aktuari tidak diiktiraf	17
Liabiliti diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan	1,258
Hak daripada polisi insurans yang betul-betul sepadan dengan amaun dan masa bagi beberapa manfaat akan dibayar di bawah pelan ini. Manfaat tersebut mempunyai nilai kini 1,092.	1,092

Untung aktuari tidak diiktiraf sebanyak 17 ialah untung aktuari terkumpul bersih ke atas obligasi dan ke atas hak pembayaran balik.

Contoh bagi Ilustrasi Perenggan 125-127: Pulangan ke atas Aset Pelan

PA16. Pada 1 Januari 20X7, nilai saksama aset pelan ialah 10,000, dan untung aktuari tidak diiktiraf terkumpul bersih ialah 760. Pada 30 Jun 20X7, pelan membayar manfaat sebanyak 1,900 dan menerima caruman sebanyak 4,900. Pada 31 Disember 20X7, nilai saksama aset pelan ialah 15,000, dan nilai kini obligasi manfaat ditentukan ialah 14,792. Rugi aktuari ke atas obligasi untuk tahun 20X7 ialah 60.

Pada 1 Januari 20X7, entiti pelaporan membuat anggaran yang berikut, berdasarkan harga pasaran pada tarikh tersebut:

	%
Pendapatan faedah dan dividen, selepas cukai dibayar melalui dana	9.25
Untung ke atas aset pelan terealisasi dan tidak terealisasi (selepas cukai)	2.00
Kos pentadbiran	(1.00)
Kadar pulangan dijangka	<u>10.25</u>

Untuk tahun 20X7, jangkaan dan pulangan sebenar ke atas aset pelan adalah seperti berikut:

Pulangan ke atas 10,000 yang dipegang selama 12 bulan pada 10.25%	1,025
Pulangan ke atas 3,000 yang dipegang selama 6 bulan pada 5% (setara dengan 10.25% setahun, terkompoun setiap enam bulan)	150
Pulangan ke atas aset pelan dijangka untuk 20X7	<u>1,175</u>
Nilai saksama aset pelan pada 31 Disember, 20X7	<u>15,000</u>
Tolak nilai saksama aset pelan pada 1 Januari, 20X7	(10,000)
Tolak caruman diterima	(4,900)
Tambah manfaat dibayar	1,900
Pulangan sebenar ke atas aset pelan	<u>2,000</u>

Perbezaan antara pulangan dijangka ke atas aset pelan (1,175) dengan pulangan sebenar ke atas aset pelan (2,000) ialah untung aktuari sebanyak 825. Oleh itu, untung aktuari tidak diiktiraf bersih terkumpul ialah 1,525 (760 tambah 825 tolak 60). Di bawah perenggan 105, had koridor ditetapkan pada 1,500 (lebih besar daripada: (i) 10% daripada 15,000 dan (ii) 10% daripada 14,792). Pada tahun berikutnya (20X8), entiti mengiktiraf lebih atau kekurangan bagi untung aktuari sebanyak 25 (1,525 tolak 1,500) dibahagi dengan purata baki hayat kerja dijangka jangkaan purata baki hayat kerja bagi pekerja berkenaan.

Pulangan dijangka ke atas aset pelan untuk 20X8 adalah berdasarkan jangkaan pasaran pada 1 Januari 20X8 untuk pulangan ke atas seluruh hayat obligasi.

Contoh bagi Ilustrasi Perenggan 135: Perakaunan untuk Pemotongan Tanpa Penyelesaian

PA17. Entiti dikehendaki oleh undang-undang untuk menghentikan peruntukan langsung perkhidmatan pengumpulan sisa dan pelupusan sisa. Pekerja dalam segmen yang terhenti ini tidak akan memperoleh manfaat selanjutnya. Keadaan ini ialah pengurangan tanpa penyelesaian. Dengan menggunakan andaian aktuari (termasuk kadar faedah pasaran semasa dan kadar pasaran semasa yang lain) sebelum pengurangan, entiti mempunyai obligasi manfaat ditentukan dengan nilai kini bersih 1,000, aset pelan dengan nilai saksama 820, dan untung aktuari tidak diiktiraf terkumpul bersih sebanyak 50. Pengurangan mengurangkan nilai obligasi semasa bersih sebanyak 100 kepada 900.

Daripada untung aktuari tidak diiktiraf terdahulu, 10% (100/1,000) berkaitan dengan bahagian obligasi yang dihapuskan melalui pengurangan. Oleh itu, kesan pengurangan tersebut adalah seperti yang berikut:

MPSAS 25 – Manfaat Pekerja

	<i>Sebelum pengurangan</i>	<i>Untung pengurangan</i>	<i>Selepas pengurangan</i>
<i>Nilai obligasi semasa bersih</i>	<u>1000</u>	<u>(100)</u>	<u>900</u>
<i>Nilai saksama aset pelan</i>	<u>(820)</u>	<u>–</u>	<u>(820)</u>
	<u>180</u>	<u>(100)</u>	<u>80</u>
<i>Untung sebenar tidak diiktiraf</i>	<u>50</u>	<u>(5)</u>	<u>45</u>
<i>Liabiliti bersih diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan</i>	<u><u>230</u></u>	<u><u>(105)</u></u>	<u><u>125</u></u>

Contoh bagi Ilustrasi Perenggan 166 hingga 168: Menentukan Liabiliti Awal

PA18. Pada 31 Disember 2010, penyata kedudukan kewangan entiti memasukkan liabiliti pencen sebanyak 100. Entiti tersebut menggunakan Piawaian ini pada 1 Januari 2011, apabila nilai kini obligasi di bawah Piawaian ialah 1,300 dan nilai saksama aset pelan ialah 1,000. Pada 1 Januari 2005, entiti telah menambahbaik pencen (kos untuk manfaat tidak letak hak: 160; dan purata baki tempoh pada tarikh itu sehingga letak hak: 10 tahun)

Kesan awal adalah seperti yang berikut:

<i>Nilai kini obligasi</i>	<i>1,300</i>
<i>Nilai saksama aset pelan</i>	<i>(1,000)</i>
<i>Tolak: kos perkhidmatan lampau diiktiraf dalam Tempoh terkemudian (160 × 4/10)</i>	<i>(64)</i>
<i>Liabiliti awal</i>	<u><i>236</i></u>
<i>Liabiliti telah diiktiraf di bawah dasar terdahulu</i>	<u><i>100</i></u>
<i>Liabiliti tambahan</i>	<u><u><i>136</i></u></u>

Entiti mengiktiraf liabiliti tambahan sebanyak 136 dalam lebihan atau kurangan awal terkumpul

Contoh Ilustratif (CI)

Contoh ini hanyalah sebagai lampiran, tetapi bukan sebahagian daripada MPSAS 25.

Pelan Manfaat Ditetapkan Dengan Dana

Petikan daripada penyata prestasi kewangan dan penyata kedudukan kewangan disediakan untuk menunjukkan kesan urus niaga yang diterangkan di bawah. Petikan ini tidak semestinya memenuhi semua keperluan pendedahan dan pembentangan dalam Piawaian lain.

Maklumat Latar Belakang

CI1. Maklumat yang berikut menerangkan pelan manfaat ditetapkan dengan dana. Untuk memudahkan pengiraan faedah, semua urus niaga adalah dianggap berlaku pada hujung tahun. Nilai kini obligasi dan nilai saksama aset pelan kedua-duanya ialah 1,000 pada 1 Januari, 20X7. Untung aktuari terkumpul bersih tidak diiktiraf pada tarikh tersebut ialah 140.

	20X7	20X8	20X9
Kadar diskaun pada awal tahun	10.0%	9.0%	8.0%
Kadar pulangan dijangka ke atas aset pelan pada awal tahun	12.0%	11.1%	10.3%
Kos perkhidmatan semasa	130	140	150
Manfaat dibayar	150	180	190
Caruman dibayar	90	100	110
Nilai kini obligasi pada 31 Disember	1,141	1,197	1,295
Nilai saksama aset pelan pada 31 Disember	1,092	1,109	1,093
Purata baki hayat kerja dijangka bagi pekerja	10	10	10

CI2. Pada tahun 20X8, pelan telah dipinda untuk menyediakan manfaat tambahan berkuat kuasa pada 1 Januari 20X8. Nilai kini pada 1 Januari, 20X8 bagi manfaat tambahan untuk perkhidmatan pekerja sebelum 1 Januari 20X8 ialah 50 untuk manfaat terletak hak dan 30 untuk manfaat tidak terletak hak. Pada 1 Januari 20X8, entiti menganggarkan tempoh purata sehingga manfaat tidak terletak hak menjadi terletak hak ialah tiga tahun; oleh itu, kos perkhidmatan lampau yang timbul daripada manfaat tidak terletak hak tambahan diiktiraf pada asas garis lurus dalam tempoh tiga tahun. Kos perkhidmatan lampau yang timbul daripada manfaat terletak hak tambahan diiktiraf secara langsung (perenggan 112 Piawaian ini). Entiti telah menggunakan dasar mengiktiraf untung dan rugi aktuari di bawah keperluan minimum perenggan 106.

Perubahan dalam Nilai kini Obligasi dan Nilai Saksama Aset Pelan

CI3. Langkah pertama adalah meringkaskan perubahan dalam nilai kini obligasi dan nilai saksama aset pelan dan menggunakannya untuk menentukan amaun untung atau rugi aktuari untuk tempoh tersebut. Langkah tersebut adalah seperti yang berikut:

MPSAS 25 – Manfaat Pekerja

	20X7	20X8	20X9
Nilai kini obligasi, 1 Januari	1,000	1,141	1,197
Kos faedah	100	103	96
Kos perkhidmatan semasa	130	140	150
Kos perkhidmatan lampau – manfaat tidak terletak hak	–	30	–
Kos perkhidmatan lampau – manfaat terletak hak	–	50	–
Manfaat dibayar	(150)	(180)	(190)
Rugi (untung) aktuari ke atas obligasi (angka pengimbang)	61	(87)	42
Nilai kini obligasi, 31 Disember	<u>1,141</u>	<u>1,197</u>	<u>1,295</u>
Nilai saksama aset pelan, 1 Januari	1,000	1,092	1,109
Pulangan dijangka ke atas aset pelan	120	121	114
Caruman	90	100	110
Manfaat dibayar	(150)	(180)	(190)
Rugi (untung) aktuari ke atas obligasi (angka pengimbang)	32	(24)	(50)
Nilai saksama aset pelan 31 Disember	<u>1,092</u>	<u>1,109</u>	<u>1,093</u>

Had Koridor

CI4. Langkah seterusnya adalah menentukan had koridor, dan membandingkannya dengan untung dan rugi aktuari tidak diiktiraf terkumpul untuk menentukan untung atau rugi aktuari bersih supaya dapat diiktiraf dalam tempoh berikutnya. Di bawah perenggan 105 Piawaian ini, had koridor ditetapkan pada nilai lebih besar daripada:

- (a) 10% daripada nilai kini obligasi sebelum menolak aset pelan; dan
- (b) 10% daripada nilai saksama mana-mana aset pelan.

CI5. Had ini, serta untung dan rugi aktuari diiktiraf dan tidak diiktiraf adalah seperti yang berikut:

	20X7	20X8	20X9
Untung (rugi) aktuari tidak diiktiraf terkumpul bersih pada 1 Januari	140	107	170
Had koridor pada 1 Januari	100	114	120
Lebihan [A]	<u>40</u>	<u>–</u>	<u>50</u>
Purata baki hayat kerja dijangka (tahun) [B]	10	10	10
Untung (rugi) aktuari yang hendak diiktiraf [^A / _B]	4	–	5
Untung (rugi) aktuari tidak diiktiraf pada 1 Januari	140	107	170
Untung (rugi) aktuari untuk tahun – obligasi	(61)	87	(42)
Untung (rugi) aktuari untuk tahun – aset pelan	32	(24)	(50)
Jumlah kecil	111	170	78
Untung (rugi) aktuari diiktiraf	(4)	–	(5)
Untung (rugi) aktuari tidak diiktiraf pada 31 Disember	<u>107</u>	<u>170</u>	<u>73</u>

Amaun Diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Prestasi Kewangan dan Analisis Berkaitan

CI6. Langkah terakhir adalah menentukan amaun yang hendak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan penyata prestasi kewangan, serta analisis berkaitan yang hendak didedahkan menurut perenggan 141(f), (g), dan (m) Piawaian ini. Analisis yang dikehendaki didedahkan menurut perenggan 141(c) dan (e) diberikan dalam bahagian Contoh Ilustrasi ini, “Perubahan dalam Nilai kini Obligasi dan Nilai Saksama Aset Pelan.” Langkah ini adalah seperti yang berikut.

	20X7	20X8	20X9
Nilai kini obligasi	1,141	1,197	1,295
Nilai saksama aset pelan	(1,092)	(1,109)	(1,093)
	49	88	202
Untung (rugi) aktuari tidak diiktiraf	107	170	73
Kos perkhidmatan lampau tidak diiktiraf – manfaat tidak terletak hak	–	(20)	(10)
Liabiliti diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan	156	238	265
Kos perkhidmatan semasa	130	140	150
Kos faedah	100	103	96
Pulangan dijangka ke atas aset pelan	(120)	(121)	(114)
Untung (rugi) aktuari bersih diiktiraf pada tahun	(4)	–	(5)
Kos perkhidmatan lampau – manfaat tidak terletak hak	–	10	10
Kos perkhidmatan lampau – manfaat terletak hak	–	50	–
Perbelanjaan diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan	106	182	137
<i>Pulangan sebenar ke atas aset pelan</i>			
Pulangan dijangka ke atas aset pelan	120	121	114
Untung (rugi) aktuari ke atas aset pelan	32	(24)	(50)
Pulangan sebenar ke atas aset pelan	152	97	64

Nota: Lihat contoh ilustrasi perenggan 121-123 untuk pembentangan pembayaran balik.

Pendedahan

Petikan daripada nota menunjukkan bagaimana pendedahan yang dikehendaki boleh diagregatkan dalam entiti yang menyediakan pelbagai manfaat pekerja. Petikan ini tidak semestinya memenuhi semua keperluan pendedahan dan pembentangan dalam MPSAS 25 dan piawaian lain. Secara khusus, ia tidak menggambarkan pendedahan bagi:

- (a) *Dasar perakaunan manfaat pekerja (lihat MPSAS 1, Pembentangan Penyata Kewangan). Perenggan 141(a) Piawaian ini menghendaki pendedahan ini memasukkan dasar perakaunan entiti untuk mengiktiraf untung dan rugi aktuari;*
- (b) *Penerangan am tentang jenis pelan (perenggan 141(b));*

MPSAS 25 – Manfaat Pekerja

- (c) *Penerangan naratif tentang asas yang digunakan untuk menentukan jangkaan kadar pulangan keseluruhan ke atas aset (perenggan 141(l));*
- (d) *Manfaat pekerja yang diberikan kepada personel pengurusan utama (lihat MPSAS 20, Urus Niaga Pihak Berkaitan); atau*
- (e) *Manfaat pekerja berasaskan perkongsian (lihat piawaian perakaunan antarabangsa atau kebangsaan tentang bayaran berasaskan perkongsian).*

CI7. Pendedahan ilustrasi adalah seperti yang berikut.

Obligasi Manfaat Pekerja

Amaun yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan adalah seperti yang berikut:

	Pelan pencen manfaat ditentukan		Manfaat perubatan pascapekerjaan	
	20X8	20X7	20X8	20X7
Nilai kini obligasi dengan dana	20,300	17,400	–	–
Nilai saksama aset pelan	(18,420)	(17,280)	–	–
	1,880	120	–	–
Nilai kini obligasi tanpa dana	2,000	1,000	7,337	6,405
Untung (rugi) aktuari tidak diiktiraf	(1,605)	840	(2,707)	(2,607)
Kos perkhidmatan lampau tidak diiktiraf	(450)	(650)	–	–
Liabiliti bersih	<u>1,825</u>	<u>1,310</u>	<u>4,630</u>	<u>3,798</u>
Amaun dalam penyata kedudukan kewangan:				
liabiliti	1,825	1,400	4,630	3,798
aset	–	(90)	–	–
Liabiliti bersih	<u>1,825</u>	<u>1,310</u>	<u>4,630</u>	<u>3,798</u>

Aset pelan pencen termasuk saham biasa yang diterbitkan oleh [nama entiti pelaporan] dengan nilai saksama 317 (20X7: 281). Aset pelan juga termasuk hartanah yang dihuni oleh [nama entiti pelaporan] dengan nilai saksama 200 (20X7: 185).

MPSAS 25 – Manfaat Pekerja

Amaun yang diiktiraf dalam lebihan atau kurangan adalah seperti yang berikut:

	Pelan pencen manfaat ditentukan		Manfaat perubahan pascapekerjaan	
	20X8	20X7	20X8	20X7
Kos perkhidmatan semasa	850	750	479	411
Faedah ke atas obligasi	950	1,000	803	705
Pulangan dijangka ke atas aset pelan	(900)	(650)		
Rugi (untung) aktuari bersih diiktiraf dalam tahun	(70)	(20)	150	140
Kos perkhidmatan lampau	200	200		
Rugi (untung) ke atas pengurangan dan penyelesaian	175	(390)		
Jumlah, termasuk dalam perbelanjaan manfaat pekerja	1,205	890	1,432	1,256
Pulangan sebenar ke atas aset pelan	600	2,250		

Perubahan dalam nilai kini obligasi manfaat ditentukan adalah seperti yang berikut:

	Pelan pencen manfaat ditentukan		Manfaat perubahan pascapekerjaan	
	20X8	20X7	20X8	20X7
Obligasi awal manfaat ditentukan	18,400	11,600	6,405	5,439
Kos perkhidmatan	850	750	479	411
Kos faedah	950	1,000	803	705
Rugi (untung) aktuari	2,350	950	250	400
Rugi (untung) ke atas pengurangan	(500)	–		
Liabiliti terhapus ke atas penyelesaian	–	(350)		
Liabiliti diterima dalam gabungan entiti	–	5,000		
Perbezaan pertukaran ke atas pelan asing	900	(150)		
Manfaat dibayar	(650)	(400)	(600)	(550)
Obligasi akhir manfaat ditentukan	22,300	18,400	7,337	6,405

Perubahan dalam nilai saksama aset pelan adalah seperti yang berikut:

	Pelan pencen manfaat ditentukan	
	20X8	20X7
Nilai saksama awal bagi aset pelan	17,280	9,200
Pulangan dijangka	900	650
Untung (rugi) aktuari	(300)	1,600
Aset diagihkan ke atas penyelesaian	(400)	–
Caruman oleh majikan	700	350
Aset diperolehi dalam gabungan entiti	–	6,000
Perbezaan pertukaran ke atas pelan asing	890	(120)
Manfaat dibayar	(650)	(400)
	18,420	17,280

Entiti dijangka mencarum sebanyak 900 ke dalam pelan pencen manfaat ditentukan pada tahun 20X9.

MPSAS 25 – Manfaat Pekerja

Kategori utama aset pelan sebagai peratusan jumlah aset pelan adalah seperti yang berikut:

	20X8	20X7
Ekuiti Eropah	30%	35%
Ekuiti Amerika Utara	16%	15%
Bon Eropah	31%	28%
Bon Amerika Utara	18%	17%
Hartanah	5%	5%

Andaian aktuari utama pada tarikh pelaporan (dinyatakan sebagai purata berwajaran)

	20X8	20X7
Kadar diskaun pada 31 Disember	5%	6.5%
Pulangan dijangka ke atas aset pelan pada 31 Disember	5.4%	7%
Kenaikan gaji masa hadapan	5%	4%
Kenaikan pencen masa hadapan	3%	2%
Perkadaran pekerja memilih persaraan awal	30%	30%
Kenaikan tahunan dalam kos penjagaan kesihatan	8%	8%
Perubahan masa hadapan dalam manfaat penjagaan kesihatan keadaan maksimum	3%	2%

Andaikan kadar trend kos penjagaan kesihatan memberikan kesan yang besar ke atas amaun diiktiraf dalam lebih atau kurang. Perubahan satu titik peratusan dalam kadar trend kos penjagaan kesihatan diandaikan akan memberikan kesan yang berikut.

	Kenaikan satu titik peratusan	Penurunan satu titik peratusan
Kesan ke atas agregat kos perkhidmatan dan kos faedah	190	(150)
Kesan ke atas obligasi manfaat ditentukan	1,000	(900)

Amaun bagi empat tempoh semasa dan terdahulu adalah seperti yang berikut:

Pelan pencen manfaat ditentukan

	20X8	20X7	20X6	20X5	20X4
Manfaat obligasi ditentukan	(22,300)	(18,400)	(11,600)	(10,582)	(9,144)
Aset pelan	18,420	17,280	9,200	8,502	10,000
Lebihan (kurangan)	(3,880)	(1,120)	(2,400)	(2,080)	856
Pelarasan terdahulu ke atas liabiliti pelan	(1,111)	(768)	(69)	543	(642)
Pelarasan terdahulu ke atas aset pelan	(300)	1,600	(1,078)	(2,890)	2,777

Manfaat perubatan pascapekerjaan

	20X8	20X7	20X6	20X5	20X4
Obligas manfaat ditentukan	7,337	6,405	5,439	4,923	4,221
Pelarasan terdahulu ke atas liabiliti pelan	(232)	829	490	(174)	(103)

Entiti pelaporan juga menyertai pelan manfaat ditentukan untuk semua unit kerajaan tempatan dalam Bidang kuasa Y yang menyediakan pencen yang dirangkaikan dengan gaji terakhir dan atas asas dibayar terdahulu secukupnya. Tidak sesuai dipraktikkan untuk menentukan nilai kini obligasi entiti ekonomi atau kos perkhidmatan semasa yang berkaitan, oleh sebab pelan pengiraan obligasinya pada asas perbezaan yang sangat material daripada asas yang digunakan dalam penyata kewangan [nama entiti pelaporan]. [terangkan asas] Berdasarkan asas tersebut, penyata kewangan pelan sehingga 30 Jun 20X6 menunjukkan liabiliti tanpa dana sebanyak 27,525. Liabiliti tanpa dana akan menyebabkan bayaran masa hadapan oleh majikan yang menyertai pelan tersebut. Pelan mempunyai lebih kurang 75,000 ahli, dengan 5,000 ahli daripadanya adalah pekerja semasa atau bekas pekerja di [nama entiti pelaporan] atau tanggungan mereka. Perbelanjaan diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan, yang bersamaan dengan caruman yang perlu dibayar untuk tahun tersebut, dan tidak dimasukkan dalam amaun di atas, ialah 230 (20X7: 215). Caruman masa hadapan entiti pelaporan mungkin meningkat dengan banyak jika entiti lain menarik diri daripada pelan tersebut.

Ilustrasi Penggunaan Perenggan 70

Isu

CI8. Perenggan 69 Piawai ini mengenakan had maksimum ke atas aset manfaat ditentukan yang boleh diiktiraf.

69. **Amaun ditentukan di bawah perenggan 65 mungkin negatif (aset). Entiti hendaklah mengukur aset yang dihasilkan pada nilai yang lebih rendah daripada:**

(a) **Amaun ditentukan di bawah perenggan 65** [iaitu, lebihan/kurangan dalam pelan tambah (tolak) apa-apa rugi (untung) tidak diiktiraf; **dan**

(b) **Jumlah bagi:**

(i) **Apa-apa rugi aktuari dan kos perkhidmatan lampau bersih terkumpul yang tidak diiktiraf (lihat perenggan 105, 106 dan 112); dan**

(ii) **Nilai kini apa-apa manfaat ekonomi yang ada dalam bentuk bayaran balik daripada pelan atau pengurangan dalam caruman masa hadapan ke dalam pelan tersebut. Nilai kini manfaat ekonomi ini hendaklah ditentukan dengan menggunakan kadar diskaun yang dinyatakan dalam perenggan 91.**

CI9. Tanpa perenggan 70 (lihat di bawah), perenggan 69(b)(i) mempunyai kesan yang berikut: kadang-kadang pengiktirafan rugi (untung) aktuari ditunda untuk menentukan amaun yang dinyatakan dalam perenggan 65 menyebabkan untung (rugi) diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

CI10. Contoh yang berikut menggambarkan kesan menggunakan perenggan 69 tanpa mengambil kira perenggan 70. Contoh ini mengandaikan dasar perakaunan entiti tidak mengiktiraf untung dan rugi aktuari dalam koridor, dan melunaskan untung dan rugi aktuari di luar koridor. (Sama ada koridor digunakan atau tidak adalah tidak signifikan). Isu boleh timbul apabila terdapat pengiktirafan yang ditunda di bawah perenggan 65).

Contoh 1—Kesan menggunakan perenggan 69 tanpa mengambil kira perenggan 70

	A	B	C	D=A+C	E=B+C	F= nilai lebih rendah daripada D dan E	G
Tahun	Lebih dalam dalam pelan	Manfaat ekonomi yang ada (perenggan 69(b)(ii))	Rugi tidak diiktiraf di bawah perenggan 65	Perenggan 65	Perenggan 69(b)	Had maksimum aset, iaitu, aset diiktiraf	Untung diiktiraf pada tahun 2
1	100	0	0	100	0	0	–
2	70	0	30	100	30	30	30

- CI11. Pada hujung tahun 1, terdapat lebih sebanyak 100 dalam pelan (lajur A dalam jadual di atas), tetapi tiada manfaat ekonomi yang ada untuk entiti sama ada daripada bayaran balik atau pengurangan dalam caruman masa hadapan* (lajur B). Tiada untung dan rugi tidak diiktiraf di bawah perenggan 65 (lajur C). Oleh itu, jika tiada had maksimum aset, aset sebanyak 100 akan diiktiraf, iaitu amaun yang dinyatakan dalam perenggan 65 (lajur D). Had maksimum aset dalam perenggan 69 mengehadkan aset kepada sifar (lajur F).
- CI12. Pada tahun 2, terdapat rugi aktuari dalam pelan sebanyak 30 yang mengurangkan lebih daripada 100 kepada 70 (lajur A), pengiktirafan yang tertunda di bawah perenggan 65 (lajur C). Oleh itu, jika tiada had maksimum aset, aset sebanyak 100 (lajur D) akan diiktiraf. Had maksimum aset tanpa perenggan 70 ialah 30 (lajur E). Aset sebanyak 30 akan diiktiraf (lajur F) menyebabkan kenaikan dalam hasil (lajur G), walaupun semua perkara tersebut telah berlaku, namun lebihan yang tidak memanfaatkan entiti telah berkurang.
- CI13. Kesan berlawanan intuitif yang serupa boleh timbul dengan untung aktuari (setakat ia mengurangkan rugi aktuari tidak diiktiraf terkumpul).

Perenggan 70

CI14. Perenggan 70 melarang pengiktirafan untung (rugi) yang timbul semata-mata daripada kos perkhidmatan lampau dan rugi (untung) aktuari.

70. **Penggunaan perenggan 69 tidak seharusnya menyebabkan untung diiktiraf semata-mata sebagai hasil daripada rugi aktuari atau kos perkhidmatan lampau dalam tempoh semasa, atau rugi diiktiraf hanya sebagai hasil daripada untung aktuari dalam tempoh semasa. Oleh itu, entiti hendaklah mengiktiraf serta merta di bawah perenggan 65 yang berikut, setakat ia timbul apabila aset manfaat ditentukan telah ditentukan menurut perenggan 69(b):**

* Berdasarkan syarat semasa pelan.

- (a) **Rugi aktuari bersih dan kos perkhidmatan lampau tempoh semasa terhad setakat kedua-duanya melebihi apa-apa pengurangan nilai kini manfaat ekonomi yang dinyatakan dalam perenggan 69(b)(ii). Jika tiada perubahan atau kenaikan dalam nilai kini manfaat ekonomi, kesemua rugi aktuari bersih dan kos perkhidmatan lampau tempoh semasa hendaklah diiktiraf serta merta di bawah perenggan 65.**
- (b) **Untung aktuari bersih selepas penolakan kos perkhidmatan lampau tempoh semasa terhad setakat kedua-duanya melebihi apa-apa kenaikan dalam nilai kini manfaat ekonomi yang dinyatakan dalam perenggan 69(b)(ii). Jika tiada perubahan atau penurunan dalam nilai kini manfaat ekonomi, kesemua untung aktuari bersih selepas penolakan kos perkhidmatan lampau tempoh semasa hendaklah diiktiraf serta merta di bawah perenggan 65.**

CI15. Contoh berikut menggambarkan hasil apabila menggunakan perenggan 70. Seperti contoh yang di atas, diandaikan dasar perakaunan entiti bukan bertujuan mengiktiraf untung dan rugi aktuari dalam koridor, dan melunaskan untung dan rugi aktuari di luar koridor. Bagi memudahkan pengiraan, pelunasan berkala bagi untung dan rugi tidak diiktiraf di luar koridor tidak diambil kira dalam contoh ini.

Contoh 1 sambungan – Pelarasan apabila wujud rugi aktuari dan tiada perubahan dalam manfaat ekonomi yang ada

	A	B	C	D=A+C	E=B+C	F= nilai lebih rendah daripada D dan E	G
Tahun	Lebihan dalam pelan	Manfaat ekonomi yang ada (perenggan 69(b)(ii))	Rugi tidak diiktiraf di bawah perenggan 65	Perenggan 65	Perenggan 69(b)	Had maksimum aset, iaitu, aset diiktiraf	Untung diiktiraf pada tahun 2
1	100	0	0	100	0	0	–
2	70	0	0	70	0	0	0

CI16. Fakta adalah seperti dalam contoh 1 di atas. Dengan menggunakan perenggan 70, tiada perubahan dalam manfaat ekonomi yang ada untuk entiti*, oleh itu kesemua rugi aktuari sebanyak 30 diiktiraf serta merta di bawah perenggan 65 (lajur D). Had maksimum aset kekal pada sifar (lajur F) dan tiada untung diiktiraf.

* Istilah “manfaat ekonomi yang ada untuk entiti” digunakan untuk merujuk manfaat ekonomi yang layak diiktiraf di bawah perenggan 69(b)(ii).

CI17. Kesannya, rugi aktuari sebanyak 30 diiktiraf serta merta, tetapi diofset oleh pengurangan dalam kesan had maksimum aset.

	Aset dalam Penyata Kedudukan Kewangan di bawah perenggan 65 (lajur D di atas)	Kesan had maksimum aset	Had maksimum aset (lajur F di atas)
Tahun 1	100	(100)	0
Tahun 2	70	(70)	0
Untung (rugi)	(30)	(30)	0

CI18. Dalam contoh di atas, tiada perubahan nilai kini manfaat ekonomi yang ada dalam entiti. Penggunaan perenggan 70 menjadi lebih kompleks apabila tiada perubahan dalam nilai kini manfaat ekonomi yang ada, seperti yang digambarkan dalam contoh yang berikut.

Contoh 2- Pelarasan apabila terdapat rugi aktuari dan pengurangan manfaat ekonomi yang ada

	A	B	C	D=A+C	E=B+C	F= nilai lebih rendah antara D dan E	G
Tahun	Lebih dalam dalam pelan	Manfaat ekonomi yang ada (perenggan) 69(b)(ii)	Rugi tidak diiktiraf di bawah perenggan 65	Perenggan 65	Perenggan 69(b)	Had maksimum aset, iaitu, aset diiktiraf	Untung diiktiraf pada tahun 2
1	60	30	40	100	70	70	-
2	25	20	50	75	70	70	0

CI19. Pada hujung tahun 1, terdapat lebih sebanyak 60 dalam pelan (lajur A) dan manfaat ekonomi yang ada untuk entiti sebanyak 30 (lajur B). Terdapat rugi tidak diiktiraf sebanyak 40 di bawah perenggan 65 (lajur C). Oleh itu, jika tiada had maksimum aset, aset sebanyak 100 akan diiktiraf (lajur D). Had maksimum aset mengehadkan aset kepada 70 (lajur F).

CI20. Pada tahun 2, rugi aktuari sebanyak 35 dalam pelan mengurangkan lebih daripada 60 kepada 25 (lajur A). Manfaat ekonomi yang ada untuk entiti menurun sebanyak 10, iaitu daripada 30 kepada 20 (lajur B). Berdasarkan perenggan 70, rugi aktuari sebanyak 35 dianalisis seperti berikut:

Rugi aktuari yang bersamaan dengan pengurangan dalam manfaat ekonomi	10
Rugi aktuari yang melebihi pengurangan dalam manfaat ekonomi	25

CI21. Berdasarkan perenggan 70, rugi aktuari sebanyak 25 diiktiraf serta merta di bawah perenggan 65* (lajur D). Pengurangan dalam manfaat ekonomi sebanyak 10 dimasukkan dalam rugi tidak diiktiraf terkumpul yang meningkat kepada 50 (lajur C). Oleh itu, had maksimum aset juga kekal pada 70 (lajur E) dan tiada untung diiktiraf.

* Penggunaan perenggan 70 membenarkan pengiktirafan sesetengah untung dan rugi aktuari yang tertunda di bawah perenggan 65, dan oleh itu dimasukkan dalam pengiraan had maksimum aset. Sebagai contoh, rugi aktuari tidak diiktiraf terkumpul yang terhasil apabila amaun yang dinyatakan dalam perenggan 69(b) melebihi amaun yang dinyatakan dalam perenggan 65 dan tidak akan diiktiraf serta merta apabila amaun yang dinyatakan oleh perenggan 69(b) menjadi lebih rendah. Sebaliknya, pengiktirafannya akan terus tertunda sejajar dengan dasar perakaunan entiti. Rugi tidak diiktiraf terkumpul dalam contoh ini ialah pengiktirafan rugi yang tertunda walaupun perenggan 70 digunakan.

- CI22. Kesannya, nilai kerugian aktuari sebanyak 25 diiktiraf serta merta, tetapi diofset oleh pengurangan dalam kesan had maksimum aset.

	Aset dalam Penyata Kedudukan Kewangan di bawah perenggan 65 (lajur D di atas)	Kesan had maksimum aset	Had maksimum aset (lajur F di atas)
Tahun 1	100	(30)	70
Tahun 2	75	(5)	70
Untung (rugi)	(25)	25	0

Contoh 3—Pelarasan apabila terdapat untung aktuari dan pengurangan dalam manfaat ekonomi entiti

	A	B	C	D=A+C	E=B+C	F= nilai lebih rendah antara D dan E	G
Tahun	Lebih dalam dalam pelan	Manfaat ekonomi yang ada (perenggan) 69(b)(ii)	Rugi tidak diiktiraf di bawah perenggan 65	Perenggan 65	Perenggan 69(b)	Had maksimum aset, iaitu, aset diiktiraf	Untung diiktiraf pada tahun 2
1	60	30	40	100	70	70	–
2	110	25	40	150	65	65	(5)

- CI23. Pada hujung tahun 1, terdapat lebih sebanyak 60 dalam pelan (lajur A) dan manfaat ekonomi yang ada untuk entiti sebanyak 30 (lajur B). Terdapat rugi tidak diiktiraf sebanyak 40 di bawah perenggan 65 yang wujud sebelum had maksimum aset mempunyai apa-apa kesan (lajur C). Oleh itu, jika tiada had maksimum aset, aset sebanyak 100 akan diiktiraf (lajur D). Had maksimum aset terhadap kepada 70 (lajur F).
- CI24. Pada tahun 2, untung aktuari sebanyak 50 dalam pelan menaikkan lebih daripada 60 kepada 110 (lajur A). Manfaat ekonomi yang ada untuk entiti berkurang sebanyak 5 (lajur B). Berdasarkan perenggan 70, tiada kenaikan manfaat ekonomi yang ada untuk entiti. Oleh itu, kesemua untung aktuari sebanyak 50 diiktiraf serta merta di bawah perenggan 65 (lajur D) dan rugi tidak diiktiraf terkumpul di bawah perenggan 65 kekal pada 40 (lajur C). Had maksimum aset menurun kepada 65 disebabkan oleh pengurangan dalam manfaat ekonomi. Pengurangan tersebut bukan rugi aktuari seperti yang ditakrifkan oleh MPSAS 25 dan oleh itu tidak layak untuk pengiktirafan tertunda.
- CI25. Kesannya, untung aktuari sebanyak 50 diiktiraf serta merta, tetapi (lebih daripada) diofset oleh pertambahan dalam kesan had maksimum aset.

	Aset dalam Penyata Kedudukan Kewangan di bawah perenggan 65 (lajur D di atas)	Kesan had maksimum aset	Had maksimum aset (lajur F di atas)
Tahun 1	100	(30)	70
Tahun 2	150	(85)	65
Untung (rugi)	50	(55)	(5)

- CI26. Dalam contoh 2 dan 3, terdapat pengurangan dalam manfaat ekonomi yang ada untuk entiti. Walau bagaimanapun, dalam contoh 2, tiada rugi diiktiraf, manakala dalam contoh 3, terdapat rugi diiktiraf. Perbezaan dalam pengolahan ini konsisten dengan pengolahan perubahan dalam nilai kini manfaat ekonomi sebelum menggunakan perenggan 70. Fungsi perenggan 70 semata-mata untuk mengelakkan untung (rugi) diiktiraf disebabkan kos perkhidmatan lampau atau rugi aktuari (untung). Selagi boleh, semua akibat daripada pengiktirafan tertunda yang lain dan had maksimum aset tetap tidak berubah.

Contoh 4—Pelarasan dalam tempoh apabila had maksimum aset tidak lagi memberikan kesan

	A	B	C	D=A+C	E=B+C	F= nilai lebih rendah antara D dan E	G
Tahun	Lebih dalam pelan	Manfaat ekonomi yang ada (perenggan) 69(b)(ii)	Rugi tidak diiktiraf di bawah perenggan 65	Perenggan 65	Perenggan 69(b)	Had maksimum aset, iaitu, aset diiktiraf	Untung diiktiraf pada tahun 2
1	60	25	40	100	65	65	–
2	(50)	0	115	65	115	65	0

- CI27. Pada hujung tahun 1, terdapat lebih sebanyak 60 dalam pelan (lajur A) dan manfaat ekonomi yang ada untuk entiti adalah sebanyak 25 (lajur B). Terdapat rugi tidak diiktiraf sebanyak 40 di bawah perenggan 65 yang wujud sebelum had maksimum aset memberikan apa-apa kesan (lajur C). Oleh itu, jika tiada had maksimum aset, aset sebanyak 100 akan diiktiraf (lajur D). Had maksimum aset terhad kepada 65 (lajur F).
- CI28. Pada tahun 2, rugi aktuari sebanyak 110 dalam pelan mengurangkan lebih daripada 60 kepada kurangan sebanyak 50 (lajur A). Manfaat ekonomi yang ada untuk entiti berkurang daripada 25 kepada 0 (lajur B). Untuk menggunakan perenggan 70, entiti perlu menentukan jumlah rugi aktuari yang wujud apabila aset manfaat ditentukan telah ditetapkan menurut perenggan 69(b). Sebaik sahaja lebih menjadi kurangan, amaun yang ditentukan melalui perenggan 65 lebih rendah daripada jumlah bersih di bawah perenggan 69(b). Oleh itu, rugi aktuari yang wujud apabila aset manfaat ditentukan yang ditetapkan menurut perenggan 69(b) ialah rugi yang mengurangkan lebih sebanyak 60 kepada sifar. Oleh itu, rugi aktuari dianalisis seperti berikut:

Rugi aktuari yang wujud apabila aset manfaat ditentukan diukur di bawah perenggan 69(b):

Rugi aktuari yang bersamaan dengan pengurangan dalam manfaat ekonomi	25
Rugi aktuari yang melebihi pengurangan dalam manfaat ekonomi	35
	60
Rugi aktuari yang wujud apabila aset manfaat ditentukan diukur di bawah perenggan 65	50
Jumlah rugi aktuari	110

CI29. Menurut perenggan 70, rugi aktuari sebanyak 35 diiktiraf serta merta di bawah perenggan 65 (lajur D); rugi aktuari sebanyak 75 (25 tambah 50) dimasukkan dalam rugi tidak diiktiraf terkumpul, yang meningkat kepada 115 (lajur C)}. Amaun ditentukan di bawah perenggan 65 menjadi 65 (lajur D), dan di bawah perenggan 69(b) menjadi 115 (lajur E). Aset diiktiraf ialah yang lebih rendah daripada kedua-duanya, iatu 65 (lajur F). Tiada untung atau rugi diiktiraf (lajur G).

CI30. Kesannya, rugi aktuari sebanyak 35 telah diiktiraf serta merta, tetapi dioffset oleh pengurangan dalam kesan had maksimum aset.

	Aset dalam Penyata Kedudukan Kewangan di bawah perenggan 65 (lajur D di atas)	Kesan had maksimum aset	Had maksimum aset (lajur F di atas)
Tahun 1	100	(35)	65
Tahun 2	65	0	65
Untung (rugi)	(35)	35	0

Nota

1. Apabila menggunakan perenggan 70 dalam situasi wujudnya kenaikan dalam nilai kini manfaat ekonomi yang ada untuk entiti, perlu diingat bahawa nilai kini manfaat ekonomi yang ada tidak boleh melebihi lebih dalam pelan.*

* Dalam contoh ilustrasi perenggan 73 MPSAS 25, nilai kini bayaran balik masa hadapan yang terdapat dalam caruman tidak boleh melebihi lebih sebanyak 90 dalam pelan.

2. Secara praktisnya, penambahbaikan manfaat sering menghasilkan kos perkhidmatan lampau dan kenaikan dalam caruman masa hadapan dijangka, berikutan kenaikan kos perkhidmatan semasa bagi tahun-tahun hadapan. Kenaikan dalam caruman masa hadapan dijangka boleh menaikkan manfaat ekonomi yang ada untuk entiti dalam bentuk pengurangan dijangka dalam caruman masa hadapan itu. Larangan terhadap pengiktirafan untung semata-mata disebabkan oleh kos perkhidmatan lampau dalam tempoh semasa tidak menghalang pengiktirafan untung disebabkan kenaikan manfaat ekonomi. Begitu juga, perubahan dalam andaian aktuari yang menyebabkan rugi aktuari juga boleh menaikkan caruman masa hadapan dijangka, dan begitu juga dengan manfaat ekonomi yang ada untuk entiti dalam bentuk pengurangan dijangka dalam caruman masa hadapan. Sekali lagi, larangan terhadap pengiktirafan untung semata-mata disebabkan oleh rugi aktuari dalam tempoh semasa tidak menghalang pengiktirafan untung disebabkan oleh kenaikan manfaat ekonomi.

Perbandingan dengan IPSAS 25

MPSAS 25, *Manfaat Pekerja* disediakan berasaskan IPSAS 25. Perbezaan utama antara MPSAS 25 dengan IPSAS 25 adalah seperti yang berikut:

- Dalam perenggan 9, MPSAS 25 menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai piawaian perakaunan diluluskan yang dikeluarkan oleh MASB, manakala IPSAS 25 menjelaskan bahawa GBE mengguna pakai IFRS yang dikeluarkan oleh IASB.